

PERANAN KOPERASI PENEROKA
DI TANAH RANCANGAN FELDA

FARIDON MD.SAAD

045445

LATIHAN ILMIAH
BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA
SYARAT-SYARAT UNTUK IJAZAH
SARJANA MUDA SASTERA
JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
1986/87.

PENGHARGAAN

Dalam melaksanakan latihan ilmiah ini saya mengambil kesempatan untuk melahirkan rasa penghormatan dan penghargaan kepada beberapa pihak yang terlibat.

Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Dr. Hing Ai Yun selaku penyelia yang banyak membimbing dan memberi tunjukajar sepanjang penulisan ini. Juga kepada kakitangan Jabatan Anthropologi Dan Sosiologi khasnya pensyarah-pensyarah sepanjang pengajian saya di sini.

Setinggi penghargaan kepada Pengurus dan kakitangan Felda, Ahli-ahli Lembaga Pengarah Koperasi dan kakitangannya serta penduduk Rancangan Felda Melati atas kerjasama yang telah diberikan.

Sekalung penghargaan kepada rakan-rakan seperjuangan dan sesiapa sahaja yang telah membantu saya baik secara langsung maupun tidak langsung.

Andai kiranya kedapatan apa jua kesalahan dan perkataan yang menyinggung perasaan, saya mohon dimaafkan.

Februari, 1987.

Faridon Saad

SINOPSIS

Kajian ini merupakan satu kajian kes mengenai Peranan Koperasi Peneroka Felde dalam meninggikan taraf sosio ekonomi di sebuah penempatan Felde di Negeri Pahang iaitu Felde Jengka Sebelas. Tumpuan kajian ialah melihat peranan koperasi dari aspek ekonomi dan sosial. Kajian juga untuk melihat sejauhmana matlamat-matlamat pembangunan dapat dicapai oleh koperasi.

Pengkaji mengemukakan definisi, prinsip dan konsep koperasi, sejarah perkembangan prinsip-prinsip tersebut serta sejarah koperasi di Malaysia secara am. Dibincangkan bagaimana prinsip-prinsip koperasi diterima dan diamalkan di Malaysia.

Berikutnya ialah pembentangan latarbelakang tempat kajian yang meliputi berbagai aspek sama ada sosial mahupun ekonomi. Kemudian diikuti oleh penghuraian latarbelakang responden dan penglibatan mereka di dalam koperasi dari sumber data yang diperolehi dari kaji selidik yang dijalankan.

Seterusnya pengkaji membentangkan peranan koperasi yang meliputi penerangan mengenai sejarah koperasi ini, kegiatan yang dijalankan, prestasi, masalah serta cara penyelesaiannya. Sebagai penutup dibuat rumusan dan analisa tentang kajian dari keseluruhan aspek yang dikaji, saranan dan akhirnya kelemahan yang terdapat dalam kajian ini.

DAFTAR KANDUNGAN

	Hal.
PENGHARGAAN	i
SINOPSIS	ii
DAFTAR KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL, CARTA DAN GRAF	v
PETA 1	vi
PETA 2	viii
PETA 3	ix
BAB I : PENDAHULUAN	60
1.1 : Pengenalan	1
1.2 : Tujuan Kajian Dan Kepentingannya	3
1.3 : Bidang Kajian	4
1.4 : Kaedah Kajian	5
1.5 : Masalah Kajian	10
BAB II: DEFINISI, PRINSIP DAN KONSEP KOPERASI	72
2.1 : Definisi Koperasi	13
2.2 : Sejarah Perkembangan Prinsip- Prinsip Koperasi secara am	15
BAB III LATARBELAKANG TEMPAT KAJIAN	81
3.1 : Latarbelakang Dan Kedudukan Kawasan kajian	32
3.2 : Komuniti	33
3.3 : Prasarana Dan Kemudahan Sosial	35
3.4 : Kepimpinan Dan Pentadbiran	37


3.5 :	Kegiatan Ekonomi Peneroka	39
BAB IV:	KOPERASI FELDA JENGA XI BERHAD		
4.1 :	Penubuhan Koperasi Di Tanah Rancangan Felda Sepintas Lalu	43
4.2 :	Sejarah Koperasi Jengka XI Berhad	49
4.3 :	Koperasi Felda Melati Kini		
4.3a:	Struktur Dan Organisasi Koperasi	49
4.3b:	Kegiatan Koperasi	53
4.4 :	Prestasi Koperasi	59
4.5 :	Masalah Koperasi	66
BAB V :	LATARBELAKANG RESPONDEN DAN SIKAP TERHADAP KOPERASI		
5.1 :	Biodata Responden	71
5.2 :	Tanggungjawab Responden	74
5.3a:	Keadaan Sosio Ekonomi Responden Sebelum Menyertai Rancangan	76
5.3b:	Keadaan Sosio Ekonomi Responden Selepas Menyertai Rancangan	79
5.4 :	Penglibatan Peneroka Dalam Koperasi	81
BAB VI:	RUMUSAN DAN PENUTUP		
	BIBLIOGRAFI		
	LAMPIRAN		
	GAMBARFOTO		

SENARAI JADUAL, CARTA DAN GERAJ

	Hal.
Jadual 1 : Perkembangan Koperasi Sebelum Merdeka Di Semenanjung Malaysia ..	25
Jadual 2 : Perkembangan Koperasi Dalam Masa 5 Tahun Di Semenanjung Malaysia (1973-77).	26
Jadual 3 : Perangkaan Koperasi Malaysia 1985 ..	27
Jadual 4 : Banci Penduduk (Feb. 1984) ..	33
Jadual 5 : Taburan Peneroka Mengikut Negeri ..	34
Jadual 6 : Jenis Kemudahan Di Rancangan ..	35
Jadual 7 : Jenis Kerja Dan Pendapatan Asal ..	39
Jadual 8 : Purata Pendapatan Peneroka Kasar dari Hasil Kelapa Sawit (1981-1984) ..	40
Jadual 9 : Potongan Tetap Felda ..	41
Jadual 10 : Purata Harga BTB (\$)/Metrik Tan 1985 ..	55
Jadual 11 : Aktiviti Koperasi (1977-1984) ..	60
Jadual 12 : Bilangan Ahli Dan Modal Saham ..	61
Jadual 13 : Senarai Pelaburan Koperasi (1984) ..	62
Jadual 14 : Pendapatan Bersih Tahunan (1977-1984) ..	63
Jadual 15 : Kedudukan Umur Responden Dan Isteri ..	71
Jadual 16 : Tingkat Pendidikan Responden/Isteri ..	72
Jadual 17 : Negeri Asal Responden ..	73
Jadual 18 : Bilangan Anak Responden ..	74
Jadual 19 : Pembahagian Umur Anak-Anak Responden ..	75
Jadual 20 : Tingkat Pendidikan Anak Responden ..	76
Jadual 21 : Pekerjaan Asal Responden ..	78

Jadual 22	: Pendapatan Responden Dari Kerja Asal ..	78
Jadual 23	: Pendapatan Purata Responden Dari Kerja Ladang Dalam Sebulan ..	79
Jadual 24	: Jenis-Jenis Kerja Sampingan Responden .	80
Jadual 25	: Taburan Pendapatan Hasil dari kerja Sampingan ..	81
Jadual 26	: Kefahaman Dan Pengertian Responden Terhadap Konsep Koperasi ..	82
Jadual 27	: Kekkerapan Responden Menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi ..	83
Jadual 28	: Perjalanan Mesyuarat Menurut Res- ponden ..	84
Jadual 29	: Penilaian 50 Orang Responden Terhadap Aktiviti Yang Dijalankan Oleh Koperasi.	85
Jadual 30	: Syarat-Syarat Pemilihan ALP menurut Penilaian Responden ..	88
Jadual 31	: Harapan Responden Dengan Menyertai Koperasi ..	90
Jadual 32	: Penilaian Responden Tentang Cara ALP Menjalankan Tugas Mereka ..	92
Jadual 33	: Andaian Responden Jikalau Koperasi Tidak ada ..	94
Carta A	: Pengurusan Dan Organisasi Pejabat Rancangan Felda Jengka XI ..	37
Carta B	: Struktur Dan Organisasi Koperasi Jengka XI ..	50
Graf	: Keuntungan/Kerugian Bersih Tahunan (1977-1984) ..	64

PETA MENUNJUKKAN WILAYAH-WILAYAH FELDA DI SEMENANJUNG MALAYSIA




PETUNJUK:

- 1. Unit Tebu
 - 2. Wilayah Kedah
 - 3. Wil. Perak/Selangor
 - 4. Wil. Johor Utara/Melaka
 - 5. Wil. N. Sembilan Barat
 - 6. Wil. N. Sembilan Timur
 - 7. Wil. N. Sembilan Tengah
 - 8. Wil. Pahang Barat
 - 9. Wil. Jengka
 - 10. Wil. Pahang Tengah
 - 11. Wil. Terengganu
 - 12. Wil. Pahang Timur
 - 13. Wil. Pahang Selatan
 - 14. Wil. Johor Tengah
 - 15. Wil. Johor Timur
 - 16. Wil. Johor Selatan
 - 17. Wil. Kelantan
 - 18. Wil. Pahang Utara
 - 19. Wil. Pahang Barat Daya
 - 20. Wil. Mersing/Rompin
- Sempadan Negeri
 ————— Sempadan Wilayah FELDA

PETA 3 : KAWASAN PERKAMPONGAN RANCANGAN
 FELDA JENGA SEBELAS, PAHANG.


PETA 2 : FELDA WILAYAH JENGA, PAHANG.



PETUNJUK

	Sempadan negeri
	Jalan Raya
	Sungai

PETA 3 : KAWASAN PERKAMPONGAN RANCANGAN
 FELDA JENGA SEBELAS, PAHANG.



BAB I

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Peranan Gerakan Koperasi dalam pembangunan negara tidak dapat dinafikan. Kerajaan melalui Dasar Ekonomi Baru sedar akan hakikat ini. Sebenarnya koperasi melalui prinsip-prinsipnya menggalakkan manusia berusaha tanpa memintaminta atau berdikari dalam usaha meningkatkan taraf hidup sendiri. Dengan cara ini koperasi merupakan satu alat untuk membimbing masyarakat ke arah pembangunan moral dan mendidik seseorang sebagai usahawan yang berpotensi.

Koperasi pada mulanya disebut sebagai 'syarikat sama-sama'. Syarikat ini merupakan sebuah organisasi yang dianggotai oleh individu-individu yang taraf ekonominya agak rendah. Mereka berusaha bersama-sama dalam kegiatan ekonomi dan sosial dengan tujuan untuk meninggikan taraf hidup mereka sendiri.

Sejak akhir-akhir ini sering kita mendengar tentang koperasi sama ada melalui media massa ataupun dari berita-berita tidak resmi seperti perbualan harian masyarakat. Sering kedapatan sekarang isu-isu pecah amanah yang melibatkan penyelewengan wang membabitkan orang-orang yang diamanahkan di dalam koperasi, kemerosotan dan kegagalan koperasi dan sebagainya.

Sebagai contoh seperti berita yang disiarkan di-
dalam akhbar Berita Harian bertarikh 12hb. Ogos 1985,
"Kerajaan Berjaya mengesan Penyelewengan Oleh Sekurang-
kurangnya 150 buah Koperasi Di Sabah", Kata Timbalan Menteri
Pembangunan Negara Dan Luarbandar, Encik Abdillah Hj. Abdul
Hamid. Di dalam akhbar yang sama pada tanggal 11 hb. November
1986, " Polis Dan Bank Negara Sedang Menyiasat 6 Kes Yang
Mungkin Mempunyai Unsur Jenayah Membabitkan Ahli-ahli Lembaga
Pengaruh Dan Pengurusan 24 Koperasi Penerima Deposit (KPD)
Yang Dibekukan Ogos lalu".

Dari laporan-laporan mass media yang dibaca dan
didengari setiap hari yang membabitkan koperasi, lebih tepat
kalau dikatakan sekarang sebagai zaman koperasi mengalami
dilema dan dianggap negatif, mengecewakan, menyedihkan, dan
mencemarkan dengan penyelewengan dan berbagai kegagalan.

Semoga dengan kajian yang dijalankan ini dapat
sedikit sebanyak menyingkap faktor-faktor yang menyebabkan
kelembaban dan kemerosotan kebanyakan koperasi ditambah
pula dengan keadaan semasa . Iaitu kemelesetan ekonomi
dunia, yang dialami oleh banyak negara-negara terutama
negara-negara yang bergantung hasil kepada barangan pertanian
dan perlombongan.

1.2 TUJUAN KAJIAN DAN KEPENTINGANNYA

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji peranan Koperasi dalam masyarakat. Oleh kerana kesuntukkan masa untuk mengkaji semua koperasi di seluruh negara, maka pengkaji hanya mengambil satu koperasi sahaja untuk dijadikan kajian kes. Koperasi yang dikaji ialah Koperasi Peneroka Felda Melati (Jengka XI) Berhad, Pahang.

Maksud kajian ialah untuk mengkaji peranan koperasi dalam mengatasi masalah sosio ekonomi penduduk Rancangan Felda. Di sini pengkaji ingin menguji bagaimana peranan koperasi boleh meningkatkan taraf sosio ekonomi dalam menyahut seruan kerajaan dalam Dasar Ekonomi Baru bagi menghapuskan kemiskinan serta penyusunan semula masyarakat.

Dari segi kepentingan kajian oleh kerana pergerakan koperasi turut memberikan sumbangan dalam pembangunan negara, maka pencapaian sesebuah koperasi dalam melaksanakan tugasnya sebagai sebuah organisasi ekonomi yang bercorak kerjasama amatlah dititikberatkan. Ini sesuai dengan Manifesto Koperasi ANGKASA di dalam Persidangan ANGKASA pada 24 hb. Mei 1975. (Lihat Lampiran).

Oleh itu koperasi sebagai sebuah organisasi ekonomi perlu dapat menjalankan tugasnya dengan sebaik mungkin demi kepentingan ahli-ahlinya. Dengan mengkaji masalah-masalah yang dihadapi oleh peneroka dan koperasi

mereka, jika tidak diselesaikan akan membawa kepada ketidak berkesanan konsep koperasi yang dilaung-laungkan.

1.3 BIDANG KAJIAN

Dalam aspek ini, pengkaji akan memberi tumpuan kepada beberapa perkara berkait dengan koperasi, di mana ianya dibahagikan kepada peringkat-peringkat tertentu bagi memudahkan kajian. Ini kerana kajian ini hanya terbatas kepada peranan yang dimainkan oleh Koperasi Felda Jengka XI dalam usaha membantu meninggikan taraf hidup peneroka. Peringkat tumpuan kajian termasuklah seperti yang disenaraikan secara ringkas di bawah ini.

Pertama ialah idea perkembangan prinsip-prinsip koperasi secara am meliputi prinsip-prinsip yang dikemukakan oleh Rochdale Pioneers dan Raiffessian. Peringkat kedua pula melihat perkembangan koperasi di Malaysia secara umum dan perkembangan gerakan koperasi di rancangan Felda. Peringkat ketiga termasuklah organisasi rancangan dan organisasi koperasi. Dan akhirnya keahlian koperasi sendiri dari segi penglibatan mereka di dalam koperasi.

1.4 KAEDAH KAJIAN

1.4 a. Pemilihan tempat kajian

Rancangan Felda Jengka XI ini dijadikan tempat kajian memandangkan pengkaji sendiri adalah anggota masyarakat rancangan ini. Dengan itu pengkaji mempunyai kelebihan dari segi membuat kajian luar kerana kehadiran pengkaji tidak menimbulkan syak wasangka di kalangan peneroka. Ia tentunya memudahkan pengkaji dalam proses penyelidikan dan rumusan kajian yang akan diperolehi benar-benar mencerminkan kawasan yang di kaji. Ini kerana kelebihan mengetahui dan dapat menyesuaikan diri secara penuh ataupun secara keseluruhan di dalam masyarakat yang di kaji.

Pengkaji mendapati kadar penglibatan peneroka dalam koperasi begitu menggalakkan, maka dengan ini timbul minat untuk pengkaji memilih tempat ini sebagai tempat kajian. Di samping itu dari segi perbelanjaan untuk pengangkutan, tempat tinggal, makanan adalah tidak perlu. Dengan yang demikian sekurang-kurangnya pemilihan tempat kajian ini dapat menjimatkan kos kajian.

Akhirnya pengkaji juga mendapati kajian terhadap koperasi di tanah rancangan tidak banyak dilakukan oleh pengkaji-pengkaji awal.

1.4b Pemilihan sampel

Sampling digunakan untuk memilih responden bagi memperoleh data-data yang dikehendaki dan melalui data-data tersebut diharapkan dapat dipergunakan sebagai mewakili keseluruhan penduduk di tempat tersebut. Mengikut Selltitz, sampling ialah,

"_____ when we select some of the elements with the intention of finding out something about the population from which they are taken, we refer to the group of the elements as a sample". (Selltitz, Claire; 1959 :)

Pendapat yang sama dikemukakan oleh Backstrom,

" Sampling may be defined as a procedure by which a research analyst can refer the characteristics of a large body of respondents, commonly referred to as a universe or population by examining or interviewing a selected group of them. (Backstrom, 1963 : 36).

Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih 50 orang responden dari 525 ketua keluarga. Pemilihan dibuat melalui undian secara random ataupun loteri metode, iaitu kertas-kertas dinomborkan sebanyak 525 mengikut nombor rumah peneroka. Kemudian undian dibuat dengan tujuan memberi peluang yang adil untuk setiap peneroka dipilih sebagai reponden.

1.4c Pengumpulan data

Semasa pengumpulan data, pengkaji menggunakan beberapa teknik pengumpulan data untuk mendapatkan maklumat. Teknik-teknik itu termasuklah:

i. Pengalaman

Pengalaman pengkaji sebagai salah seorang daripada komuniti di rancangan ini sedikit sebanyak membantu di dalam mencari masalah masalah peneroka yang wujud di kalangan peneroka terutama yang berkaitan dengan koperasi. Selama 13 tahun pengkaji tinggal di sini banyak pengalaman pengalaman yang di perolehi.

ii. Temuduga

Dalam teknik temuduga ini, pengkaji telah menggunakan dua jenis temuduga iaitu temuduga menggunakan set borang soal selidek dan temuduga secara informal. Temuduga menggunakan soal selidek ialah, pengkaji menyediakan satu set borang soal selidek yang mudah. Kaedah ini sering digunakan kerana melaluinya mudah bagi pengkaji mendapatkan maklumat.

Soalan-soalan yang dikemukakan dalam soal-

selidek berbentuk 'soalan terbuka'. Menurut Festinger dan Katz, soalan-soalan terbuka adalah,

" The possible responses are contained in the question so that the respondent merely has to select the category to his position".

(Festinger And Katz, 1955 :351)

Soalan-soalan berbentuk terbuka ini membolehkan responden bebas mengeluarkan pendapat dan ini merupakan cara yang lebih baik dari soalan-soalan berbentuk tertutup. Selain menggunakan borang soal selidek, pengkaji juga mengadakan temubual secara informal dengan responden dan orang-orang berkenaan seperti kakitangan pejabat rancangan Felda Jengka XI, Ahli-ahli Lembaga Pengarah Koperasi dan pekerja-pekerjanya. Kaedah ini digunakan kerana didapati bahawa melalui soal selidek sahaja tidak mencukupi.

Pengkaji juga mendapati bahawa kaedah temubual ini adalah baik kerana kerana pengkaji dan responden tidak terasa terkongkong. Responden selalunya mempunyai anggapan pra sangka terhadap borang-borang soal selidek. Melalui temubual secara tidak formal, responden nampaknya lebih rela memberi maklumat-maklumat yang diperlukan untuk kajian.

Walau bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan metode temuduga, kerana ianya tidak dapat mengumpulkan data-data yang bersifat kualitatif seperti sikap dan

sebagainya. Data dan maklumat yang diperolehi mungkin tidak tepat kerana ianya berdasarkan ingatan sahaja. Dengan itu sudah tentu tidak semua laporan itu benar kerana mungkin juga responden bertujuan menjaga kedudukannya dan sebagainya.

Masalah juga timbul dalam temuduga menggunakan soal selidek kerana kebanyakan responden tidak memahami apa yang dikehendaki oleh soalan. Oleh itu pengkaji sendiri terpaksa menjelaskan supaya ianya mudah bagi responden untuk menjawabnya. Pengkaji menulis sendiri jawapan yang diberikan oleh responden ke dalam borang soal selidek.

iii. Pemerhatian

Kaedah ini digunakan dengan tujuan supaya kajian menjadi lebih lengkap kerana melalui temuduga dan temubual secara tidak formal tidak mencukupi. Pemerhatian sesuai untuk melihat keadaan sekeliling, hubungan sosial, aktiviti harian dan sebagainya. Melalui pemerhatian pengkaji dapat mengetahui hal yang sebenarnya. Dalam konteks pemerhatian ini secara lebih khusus pengkaji mengaplikasikan kaedah penyertaan pemerhatian bagi mendapatkan maklumat yang lebih tepat.

iv. Data data bertulis

Data data bertulis di perolehi dari Pejabat Koperasi Felda Melati Berhad seperti data laporan audit, organisasi koperasi, aktiviti-aktiviti koperasi, bilangan ahli koperasi, masalah masalah yang dihadapi oleh koperasi dan sebagainya.

Maklumat-maklumat yang di perolehi dari Pejabat Rancangan Felda Melati seperti maklumat asas rancangan, peta-peta. Data-data dari ANGKASA mengenai perkembangan terbaru koperasi di tanah air. Dengan adanya data-data dan maklumat bertulis ini dapatlah mengemas dan melengkapkan lagi laporan kajian yang diselenggarakan.

v. Kajian Perpustakaan

Pengkaji juga membuat rujukan daripada buku-buku, risalah, majalah yang menyentuh tentang koperasi. Juga pengkaji membuat ulangkaji dari seminar-seminar kebangsaan koperasi, latihan ilmiah dan sebagainya sebagai tambahan.

1.5 Masalah Kajian

Dalam menjalankan kajian ini, timbul juga kesulitan terutamanya berkait dengan kurangnya kajian mengenai koperasi di tanah rancangan Felda. Jadi pengkaji menghadapi kesukaran mendapatkan panduan dalam proses menyedia-

kan soalan soalan yang sesuai supaya ianya tidak menyimpang dari tujuan sebenar.

Masalah seterusnya ialah pengkaji mendapati maklumat yang di perolehi dari pejabat koperasi kurang lengkap terutama pada peringkat awal penubuhan koperasi. Gambaran gambaran dan maklumat yang diberi oleh responden lebih bercorak positif kerana mungkin pada penilaian mereka jawapan yang sedemikian yang diperlukan oleh pengkaji. Akhirnya oleh kerana kajian ini adalah kajian yang awal iaitu belum ada kajian seumpama ini pada pengetahuan pengkaji maka sudah pasti terdapat banyak kelemahan baik dari segi mutu dan persembahan.

BAB II

DEFINISI, PRINSIP DAN KONSEP KOPERASI

Latarbelakang sejarah tentang pembentukan istilah "kerjasama" di Malaysia telah bermula lebih 50 tahun dahulu, apabila Pemerintah Penjajah British telah cuba membawa masuk suatu konsep baru untuk mewujudkan badan badan yang bercorak koperatif. Undang undang bertajuk "Co-operative Societies Enactment" telah diluluskan oleh Majlis Undangan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada 1 hb.Julai 1922.

(Ungku Aziz, 1980 : 54)

Konsep baru itu sebagai "co-operative" di dalam bahasa Inggeris dan badan badan yang melaksanakan tujuan konsep itu dinamakan "co-operative society" atau co-op. Sebenarnya perkataan "kerja" , "sama" dan "kerjasama" berasal dari perkataan Sanskreta dan sudah ada di dalam senarai bahasa Melayu sejak lama dahulu. Kerjasama bersumberkan dua perkataan Sanskreta iaitu "karya" dan "sama" yang membawa makna yang lebih tepat iaitu bekerja bersama-sama.

Untuk konsep bekerja bersama-sama atau koperatif lebih elok menggunakan perkataan persatuan. Oleh itu "co-operative society" harus diterjemah sebagai persatuan bekerja bersama-sama. Walau bagaimanapun ianya terlalu panjang dan kerana itu istilah koperasi dan koperatif

yang selalu digunakan. (U. Aziz, 1980: 56)

2.1 DEFINISI KOPERASI

Ramai sarjana telah mengemukakan definisi koperasi berdasarkan pemahaman masing-masing. C.R Fay mendefinisikan koperasi sebagai satu pertubuhan yang mempunyai tujuan berniaga bersama-sama yang berpunca daripada kalangan yang lemah dan sentiasa diusahakan dengan semangat tidak mementingkan diri sendiri; syaratnya semua yang sanggup menjalankan tugas sebagai ahli itu hendaklah sama-sama mendapat faedah mengikut kadar mereka menggunakan pertubuhan itu.

H. Calvert pula mentakrifkan koperasi sebagai sejenis pertubuhan yang ahli-ahlinya bersatu dengan sukarela sebagai manusia berdasarkan demokrasi untuk meninggikan keadaan hidup mereka.

Menurut G.B Mamoria, ia mendefinisikan koperasi sebagai:

"_____ as a special technique of doing business in such a way so that a group of people may secure common good through self-help and mutual help. It grew not of any pre-conceived idea but out of circumstances as practical solutions of obvious difficulties. Its aim is to build fine human being, based on all that is fundamentally lasting and good in human nature"

(Mamoria, 1963 : 5)

Seorang tokoh koperasi tanahair, N.A Kularajah melihat koperasi sebagai suatu pertubuhan bagi sesiapa yang bersedia menolong diri mereka sendiri dan juga orang lain di dalam pertubuhan itu serta sentiasa berusaha supaya orang lain memasukinya untuk mencapai tujuan ekonomi bersama dan sosial demi kebaikan diri mereka dan masyarakat berasaskan persamaan dan persefahaman.

(Kularajah, 1969:4)

U. Aziz juga telah memberikan takrifannya iaitu koperasi sebagai suatu fahaman di mana penganutnya bergiat menguruskan pengeluaran, penggunaan, pemasaran atau simpanan dan pinjaman dan sebagainya, dengan tujuan menolong satu sama lain tanpa matlamat mencari keuntungan perseorangan. (U. Aziz, 1980: 60)

Daripada definisi-definisi tersebut dapat dibuat kesimpulan bahawa koperasi sebagai pertubuhan untuk semua tanpa mengira sesiapaapun berdasarkan prinsip-prinsip yang telah ditetapkan. Asasnya ialah persamaan dan persefahaman iaitu satu orang satu undi dan perasaan tolak ansur.

2.2 SEJARAH PERKEMBANGAN PRINSIP- PRINSIP KOPERASI SECARA AM

Kemiskinan hidup di tambah pula oleh penindasan dan penganiayaan golongan kaya terhadap golongan miskin telah menyebabkan lahirnya gerakan koperasi. Dalam sejarah masyarakat dunia, ada individu-individu dalam masyarakat itu sedar betapa pentingnya bersatu untuk mencapai matlamat-matlamat tertentu. Usaha-usaha ini satu yang kerap dalam masyarakat tetapi ia untuk memenuhi kehendak sementara sahaja.

Sejarah koperasi boleh dibahagikan kepada dua jenis dan jangka waktu yang tertentu, (N.A Kularajah, 1969: 10), iaitu jangka waktu sebelum tahun 1844 dan selepas 1844. Dalam jangka waktu sebelum 1844, telah ada satu ikatan koperasi atau bekerjasama atau lebih tepat lagi bergotong royong yang dapat menyatupadukan masyarakat terutama masyarakat di luarbandar. Sebagai contoh Orang-orang bangsa Greek telah mempunyai kelab-kelab kebumian dan syarikat tolong menolong yang serupa dengan syarikat kerjasama di zaman ini.

Koperasi moden bermula di England pada kurun ke 18 akibat teretusnya Revolusi Pertanian dan Perindustrian. Ianya berakar umbi daripada perubahan ekonomi,

sosial dan politik. Akibat revolusi ini ramai pekerja-pekerja telah ditindas dengan teruknya oleh majikan mereka yang terdiri daripada kaum elit dan hartawan dari sistem feudal. Sistem feudal ini berubah bila golongan petani dan pekerja yang ditindas melakukan usaha-usaha pembebasan seperti mewujudkan koperasi. Pada masa itu dua jenis keburukan yang besar telah menyusahkan orang miskin iaitu kadar bunga yang sangat tinggi dan pengambilan untung yang sangat banyak dalam perniagaan. Keadaan ini ditambah pula oleh proses perbandaran yang membawa perubahan buruk. Keadaan sosio ekonomi yang kucar kacir ini menyediakan keadaan yang sesuai untuk idea koperasi wujud.

Orang yang pertama memperjuangkan satu sistem ekonomi yang memerlukan penyertaan semua di atas dasar yang sama ialah P.C Plockboy, seorang Belanda yang tinggal di England, tetapi beliau gagal. Kegagalannya disebabkan oleh tentangan pihak kerajaan pada masa itu. John Bellers seterusnya menulis teorinya sendiri yang mengutarakan satu sistem yang melanjutkan idea-idea Plockboy.

Keadaan golongan miskin yang tertindas ini telah mendapat simpati dari Robert Owen (1771 - 1858) yang dikenali "Bapa Koperasi". Beliau sendiri seorang pemodal dan tuan punya kilang. Beliau menggunakan kekayaannya

membantu mereka yang miskin dengan mendirikan syarikat kerjasama. Di samping itu beliau berkempen di atas tema "Pertandingan mestilah digantikan oleh pekerjasamaan". (Kularajah, 1969:16). Malangnya bantuan yang berlebihan telah menyebabkan pengikut-pengikutnya terlalu berharap kepada bantuannya dan tidak berusaha memajukan diri sendiri. Keadaan ini bertentangan dengan prinsip "self-help". Walaupun begitu idea-idea Robert Owen telah berakar tunjang dan menjadi batu asas syarikat kerjasama yang moden.

William King (1786-1865) seorang yang alim dan semangat penggeraknya adalah disebabkan oleh pendidikan agamanya. Beliau telah mengeluarkan sebuah majalah 'Pekerjasama' yang mengutarakan pendapatnya bagi memperkenalkan gerakan pengguna. Ianya juga tidak menikmati kejayaan yang berpanjangan.

Usaha-usaha mereka disambung oleh Rochdale Pioneers yang muncul pada bulan Disember 1844 di England. Golongan ini terdiri daripada 28 orang penenun kain. Mereka bersatu dan merangka satu set resit-resit koperasi yang formal dan diguna hingga kini. Rochdale Pioneers ditubuh dan ditadbir oleh pekerja biasa yang merupakan golongan bawahan yang cuba mengubah kehidupan mereka. Mereka setuju dengan idea-idea Robert Owen dan William King.

Matlamat Rochdale Pioneers ialah untuk mencari satu kaedah kewangan dan memperbaiki sosio domestic ahli-ahlinya, membuka kedai, membeli dan menyewa rumah di mana ahli-ahli akan tinggal di situ. Kilang-kilang dibina untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada ahli-ahlinya yang tiada kerja dan yang dibayar upah rendah.

Di dalam struktur dan undang-undang Rochdale Pioneers yang telah dirangka oleh ahli-ahli terdapat Presiden, Setiusaha, Tiga orang pengarah yang bertanggungjawab kepada ahliahli. Mereka mengadakan mesyuarat suku tahunan. Masa itu akaun akan ditunjukkan kepada ahli. Rochdale Pioneers tidak membenarkan berhutang, kerana hutang akan membelenggu pekerja.

Semangat kerjasama yang tulin dan jujur oleh mereka ini telah menjadikan kedai yang didirikan itu berjaya. Antara faktor-faktor kejayaan mereka termasuklah mereka mempunyai tujuan dan matlamat yang tertentu, pengu- rusan yang betul dan cekap serta mereka mematuhi prinsip-prinsip koperasi yang mereka cita iaitu Prinsip Rochdale.

Prinsip-prinsip utamanya dijadikan asas dalam pergerakan koperasi dan ditakrifkan oleh Perikatan Kerjasama Antarabangsa sebagai keanggotaan terbuka, kawalan yang demokratik (satu orang satu undi), pembahagian lebihan menurut kadar perniagaan dan faedah-faedah terhad atas modal.

Ini kerana segala keputusan , cara-cara dan amalan Rochdale Pioneers yang menjadi dasar kepada prinsip-prinsip kerjasama Rochdale, memberikan ciri-ciri yang istimewa kepada syarikat kerjasama yang ada sekarang. (Kularajah, 1969:21)

Sebenarnya Rochdale Pioneers tidak memberi definisi atau menganggap prinsip-prinsip ini sebagai prinsip kerjasama. Konsep dan definisi prinsip-prinsip yang sebetulnya diberikan oleh Perikatan Kerjasama Antarabangsa berdasarkan syarat-syarat yang tersebut dalam Syarikat bersama Rochdale Pioneers.

Konsep Rochdale itu telah merebak ke luar England. Di German bermula syarikat kerjasama jenis pertanian yang diasaskan oleh Herr Raiffessien, seorang hartawan. Beliau merasai memberi pinjaman adalah punca menimbulkan masalah. Mengikut beliau pinjam meminjam hendaklah dianjurkan untuk mereka menerusi diri mereka sendiri. Dengan itu beliau menubuhkan Bank Pinjam Meminjam Syarikat Kerjasama yang menjadi asas bagi syarikat-syarikat kerjasama luarbandar di Asia.

Raiffessien telah menentukan beberapa peraturan bagi menjayakan Bank Pinjam Meminjam itu dengan menubuhkannya di setiap kampung. Peraturan-peraturan itu ialah:

- i. Terbuka kepada semua orang yang berkelakuan

- baik dan menetap di dalam kampung itu sahaja.
- ii. Tanggungan tidak berhad yang akan melahirkan perasaan tanggungjawab kepada semua ahli.
 - iii. Mesti mempunyai sebuah jawatankuasa pengurus mengandungi tiga orang serta sebuah jawatankuasa mengawas. Pemilihan ke jawatankuasa ini berdasar satu orang satu undi.
 - iv. Keuntungan yang di perolehi tidak akan dibahagi tetapi mesti diasingkan sebagai simpanan di masa depan, di mana kadar faedah yang dikenakan adalah lebih rendah.

Dengan peraturan asas ini Raiffessien telah berjaya menubuhkan beberapa buah bank pinjam meminjam syarikat kerjasama di kampung-kampung yang membawa kepada penubuhan sebuah Persekutuan Bank-bank Kampung.

Kongres Koperasi Antarabangsa yang berlangsung di Vienna dalam tahun 1966 telah menerima perakuan dan menegaskan betapa mustahaknya semua ahli mematuhi prinsip koperasi. Ini untuk memesatkan perjalanan koperasi yang tulen lagi berkesan sejauh yang dapat dijangka. Prinsip-prinsip yang diterima ialah:

1. Keanggotaan sebuah koperasi hendaklah terbuka dengan sukarela tanpa sebarang sekatan ataupun diskriminasi sosial, politik atau agama kepada semua orang yang boleh menggunakan perkhidmatan dan sanggup menerima tanggungjawab keanggotaan.
2. Koperasi adalah pertubuhan yang bercorak demokrasi. Hal ehwalnya hendaklah ditadbirkan oleh mereka yang dipilih atau dilantik dengan cara yang dipersetujui oleh ahli-ahli melalui pengundian seorang ahli satu undi.
3. Modal saham hendaklah menerima satu kadar faedah (dividen) yang terhad, jika ada. Biasanya kadar dividen yang diberikan kepada ahli-ahli tidak melebihi 10%.

Formula dividen

$$\text{a. Kadar dividen} = \frac{\text{Keuntungan yang akan diberikan ke atas saham}}{\text{Jumlah saham dibayar}} \times 100$$

$$\text{b. Faedah dibayar kepada ahli} = \frac{\text{Saham ahli} \times \text{kadar dividen}}{100}$$

4. Sisa hasil (untung), jika ada, yang diperolehi daripada urusanniaga-urusanniaga koperasi itu adalah kepunyaan ahli-ahli koperasi itu dan seharusnya dibahagikan dengan sebarang cara supaya mengelak seorang ahli mendapat kelabaan atas jasa-jasa ahli yang lain. Ini boleh di-

jalankan dengan keputusan ahli-ahli sebagai berikut:

- a. Dengan membuat peruntukkan bagi memajukan perniagaan syarikat itu.
 - b. Dengan membuat peruntukkan bagi perkhidmatan kepada ahli-ahli amnya.
 - c. Pemulangan keuntungan mengikut pulangan atas langganan.
5. Semua koperasi patut membuat peruntukkan untuk pelajaran ahli-ahli, pegawai dan kakitangan serta orang awam atas prinsip-prinsip dan teknik-teknik koperasi, baik dari segi ekonomi mahupun demokrasi.
6. Semua pertubuhan koperasi supaya dapat memberi perkhidmatan yang sebaik-baiknya untuk keperluan ahli-ahli mestilah bekerjasama dengan giatnya dengan koperasi-koperasi di peringkat tempatan, kebangsaan dan antara-bangsa.

2.3 SEJARAH KOPERASI DI MALAYSIA DAN PRINSIP-PRINSIPNYA

Sejarah pembangunan gerakan koperasi di Malaysia adalah berpunca dari kesedaran yang dirasakan oleh sebilangan Pegawai-pegawai Tinggi Bangsa Inggeris yang berkhidmat dengan pentadbiran Kolonial British di Malaya dalam dekad pertama kurun ke 20. Usaha-usaha awal mereka tidak mendapat sambutan dari kerajaan British dan orang-orang Melayu terutama dari golongan alim ulamak yang menentang unsur-unsur riba dalam koperasi. Pada mulanya sebahagian besar petani yang ingin ditolong tidak dapat memahami kepentingan koperasi itu dan masyarakat Islam ragu dengan faedah-faedah atas saham daripada sistem koperasi ini. Penyelesaian masalah ini menjadi satu faktor utama dalam pergerakan koperasi terutama di kalangan orang Melayu.

Sebilangan Pegawai-pegawai Tinggi Inggeris dalam pentadbiran British di Malaya yang mempunyai pengalaman di Cyprus dan India telah mencadangkan supaya diwujudkan gerakan koperasi di Malaya. Khususnya mengadakan sistem koperatif kredit, tetapi tidak mendapat sambutan pemerintah Inggeris dan Tuan-tuan ladang. Keadaan ini terbiar begitu sahaja sehingga tahun 1922 apabila satu Undang-undang Koperatif telah diluluskan dan seorang Pengarah Koperasi dilantik.

Pegawai Inggeris yang bertanggungjawab untuk memulakan gerakan koperasi di Malaysia ialah A. Cavendish yang dilantik menjadi Pengarah Koperasi bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-Negeri Selat dalam tahun 1922.

Perkembangan gerakan koperasi pada peringkat awal tidak begitu berjaya kerana banyak golongan petani yang hendak ditolong belum dapat menukar corak kehidupan mereka. Kutipan faedah di atas pinjaman atau ribajuga menjadi isu yang dibangkitkan oleh masyarakat Islam. Perkara ini terpaksa dirujuk dan dibawa ke dalam perundingan dengan ahli-ahli dan ketua-ketua agama dari Negara Arab dan Mesir untuk mendapatkan nasihat dan fatwa. Hasil positif dari rumusan perbincangan tersebut telah menarik ramai orang Melayu untuk menyertai dan menubuhkan koperasi.

Gerakan koperasi yang baru bermula itu menerima pukulan hebat dari kemelesetan ekonomi dunia pada tahun 1930an. Harga getah, kelapa dan padi telah jatuh ke paras yang paling rendah sehingga membantutkan gerakan koperasi buat sementara.

Sehingga tahun 1941, Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu yang bernaung mempunyai undang-undang koperatif sendiri. Dalam 1948, dengan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu, ordinan

No.33 telah diluluskan bagi seluruh Malaya. Dengan ini Jabatan Pembangunan Koperasi dapat disatukan dan ianya di ketuai oleh Pesuruhjaya Kemajuan Koperatif Persekutuan Tanah Melayu yang juga menjadi Pendaftar Koperatif.

Bagaimanapun Ordinan No.33 ini telah di pinda dalam tahun 1976 untuk menyelaraskan semua kegiatan-kegiatan koperatif di seluruh negara. Sebenarnya tidak banyak rekod perkembangan koperasi dalam tahun-tahun permulaannya. Hanya rekod bagi Negeri-Negeri Selat dapat ditunjukkan bagi lima tahun (1925-1929).

Jadual 1 : Perkembangan koperasi sebelum merdeka di Semenanjung Malaysia.

Tahun	Bil.Kop.	Bil.Ahli	Jumlah saham/ modal dibayar
1925	4	500	8,980
1926	15	2711	64,628
June 1927	15	3230	112,644
" 1928	21	4180	225,605
" 1929	30	5933	399,819

Sumber: Koperasi Di Malaysia, Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia, 1978: 4

Menjelang tahun 1973 hingga 1977 gerakan koperasi mula memperlihatkan perkembangan dan kemajuan yang pesat. Dalam jadual berikut jelas menunjukkan perkembangannya.

Jadual 2 : Perkembangan koperasi dalam masa lima tahun di Semenanjung Malaysia (1973-1977).

Tahun	Bil.Kop.	Bil.Ahli	Jumlah saham Yuran dibayar	Jumlah Kump. wang
1973	1,026	668,265	259,418,402	613,578,050
1974	1,112	732,511	305,299,158	675,384,000
1975	1,201	772,000	335,754,121	728,000,000
1976	1,300	815,000	366,299,140	760,000,000
1977	1,346	850,000	400,000,000	800,000,000

Sumber: Koperasi Di Malaysia, Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia, 1978: 32

Kini selepas pelancaran "Era Baru Koperasi" pada 28 hb. Februari 1982 dan pelancaran Koperasi Pembangunan Negara Berhad, merupakan kemuncak kepada seluruh perjuangan, kegiatan dan gerakan koperasi di negara ini. Di seluruh negara pada tahun 1985 telah ada hampir 2,500 buah koperasi di negara ini, dengan jumlah ahli melebihi

2.7 juta orang. Modal yang telah dibayar oleh ahli-ahli berjumlah lebih \$ 1,135 juta dan nilai harta koperasi meningkat kepada lebih \$6,775 juta.

Jadual 3: Perangkaan Koperasi Malaysia 1985

Negeri	Bil.Kop.	Bil.Ahli	Saham \$	Harta \$
Johor	245	150,540	47,841,840	163,094,100
Kedah	170	107,900	46,612,260	76,594,800
Kelantan	120	84,500	26,715,420	17,541,600
Melaka	81	44,980	12,715,580	20,469,300
N.Sembilan	128	70,980	36,216,721	-
Pahang	189	93,080	33,310,440	155,982,100
Perak	219	120,380	91,883,160	163,094,100
Perlis	38	17,420	10,507,320	17,828,100
P.Pinang	115	68,900	58,460,940	145,926,300
Selangor	212	190,060	114,798,060	207,994,500
Terengganu	86	51,220	24,479,100	46,221,000
W.Persekutuan	63	105,560	21,797,100	83,858,100
Nasional	150	1,494,480	592,769,340	4,854,160,000
Sabah	323	96,800	8,816,000	97,120,000
Serawak	402	91,100	8,621,000	75,810,000
Jumlah	2,541	2,787,900	1135,237,000	6,234,930,000

Sumber: Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia, 1986.

Pada masa sekarang pergerakan koperasi di seluruh negara di letakan di bawah perhatian Kementerian Pembangunan Negara Dan Luarbandar. Sebuah badan induk iaitu Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia atau singkatannya ANGKASA telah ditubuhkan pada tahun 1971 dengan beberapa tujuan. Tujuan utama ANGKASA ialah:

- a. Menyatukan semua koperatif-koperatif dalam Malaysia.
- b. Mewakili Gerakan Koperasi Malaysia.
- c. Memberi nasihat dan pertolongan kepada ahli-ahlinya dalam perjalanan pengurusan perniagaan mereka.
- d. Mengembangkan prinsip dan amalan koperasi.
- e. Dan lain-lain.

Bagi mencapai tujuan-tujuannya, ANGKASA telah mengendalikan berbagai-bagai tugas meliputi berbagai kegiatan seperti gerakerja, seminar, persidangan, konvensyen dan sebagainya. Dalam Persidangan Kebangsaan ANGKASA pada 24 hb. Mei 1975 telah menggariskan sebuah Menifesto Koperasi ANGKASA yang mengandungi cita-cita yang berdasarkan kepada prinsip-prinsip koperasi.

Menurut U. Aziz, prinsip-prinsip koperasi dari

Manifesto Koperasi ANGKASA dapat dibahagi kepada dua iaitu prinsip-prinsip bercorak ekonomi dan bercorak sosial. Dan prinsip-prinsip ini tidak jauh bezanya dengan prinsip-prinsip yang diperkenal dan diamalkan oleh Rochdale Pioneers dan Raiffessien.

Prinsip-prinsip bercorak sosial termasuklah perjalanan secara demokrasi, keanggotaan sukarela, kepentingan masyarakat mendahului kepentingan ahli, Sikap neutral dalam politik dan agama, Menggalakkan pendidikan dan bekerjasama di semua peringkat koperasi; mempengaruhi cara pentadbiran dan corak keahlian koperatif. Ia juga menentukan sikap gerakan itu terhadap masyarakat umum terutama dalam bidang pendidikan, politik dan agama.

Prinsip-prinsip bercorak ekonomi pula iaitu bayaran manasabah bagi untung atas saham, pemulangan keuntungan sebagai tambahan perkhidmatan kepada ahli, tambahan modal, atau mengikut pulangan atas langganan, dan pemberian balik modal mengikut langganan. Semua prinsip bercorak ekonomi ini memberi panduan yang jelas tentang modal, pelaburan, untung atas saham dan bayaran pulangan atas langganan atau tambahan nilai modal kepada ahli.

Prinsip-prinsip bercorak sosial boleh dikumpul kepada tiga kumpulan garis kasar iaitu prinsip yang memberikan panduan kepada orang perseorangan, memberi panduan tentang hubungan diantara ahli dan masyarakat di lapangan politik dan pendidikan dan panduan kepada penganut

koperatif sama ada di peringkat rendah atau yang paling tinggi sekali tentang kerjasama di antara syarikat kerjasama dan koperatif.

Secara lebih terperinci, perinsip yang memberi panduan kepada orang perseorangan dapat diuraikan iaitu demokrasi dan kesukarelaan penting dalam pemilihan pemimpin, keputusan berkenaan pentadbiran dan kewangan. Perkara tersebut perlu dibincang dengan memberi peluang kepada semua ahli mengambil bahagian. Tidak boleh dipaksa seseorang bercakap atau berdiam selagi mereka patuh kepada tata tertib mesyuarat. Keputusan diambil berdasar undi, tiap-tiap seorang satu undi. Tidak ada paksaan bagi orang yang hendak masuk menjadi ahli atau berhenti.

Di dalam koperasi kebajikan masyarakat mestilah diutamakan lebih dari kebajikan ahli perseorangan seperti koperatif tidak boleh menjual barang yang boleh merosakkan masyarakat dan alam sekeliling. Koperasi juga tidak boleh diikat kepercayaan sesuatu agama kerana mungkin ahli-ahlinya menganut berbagai-bagai agama. Koperasi seterusnya diharapkan menyokong pendidikan sebagai alat penting untuk kemajuan ahli dan masyarakat. (U. Aziz, 1980:)

Ketiga-tiga prinsip yang bercorak ekonomi tadi boleh di bahagi di antara dua jenis kegiatan iaitu:

- a. Kegiatan membahagikan untung atau kelebihan di antara kos berniaga dan pendapatan yang diperolehi dari penjualan.
- b. Kegiatan membayar faedah atau pulangan kepada pelabur atau penganam modal yang telah mewujudkan sebuah koperatif atau kegiatan pembubaran sebuah koperatif dan pemulangan hak modal yang tinggal kepada ahli-ahli koperatif.

Koperasi hari ini telah berkembang dengan pesat dan telah melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti ekonomi bagi kepentingan ahli-ahlinya. Antara fungsi koperasi yang utama ialah kredit/bank, perumahan, pengguna, kenderaan, pembangunan tanah, perindustrian, sekolah, insuran, serbaguna, kebajikan am, kesatuan, permodalan dan sebagainya.

Kerajaan dalam Dasar Ekonomi Barunya cuba mengurangkan jurang di antara yang berada dengan yang kurang berada melalui gerakan koperasi yang benar-benar menekankan kepada pentadbiran, demokrasi dan berdikari untuk meningkatkan taraf hidup sendiri.

BAB III

LATARBELAKANG TEMPAT KAJIAN

Didalam bab ini akan diterangkan secara ringkas latarbelakang rancangan Felda Jengka Sebelas. Ianya meliputi geografi kawasan rancangan, komuniti, kemudahan asas, kepimpinan dan pentadbiran rancangan serta kegiatan ekonomi peneroka.

3.1 LATARBELAKANG DAN KEDUDUKAN KAWASAN KAJIAN

Rancangan Felda Jengka Sebelas ini termasuk dalam Gugusan Wilayah Jengka Tigasegi yang mengandungi lebih 20 buah rancangan. Rancangan ini juga dikenal dengan nama Felda Melati mengambil sempena nama sejenis bunga tempatan, seperti juga diberikan kepada rancangan yang lain. Pekan yang paling hampir dengan rancangan ini ialah Bandar Pusat Jengka yang jauhnya lebih kurang 4 km. Ia di hubung oleh sebatang jalanraya utama menuju ke bandar Jerantut sejauh 38 km dan bandar Temerloh sejauh 48 km.

Rancangan ini telah dibangunkan pada tahun 1970 dan dimasuki oleh peneroka pada 27 hb. disember 1974. Luas keliling kira-kira 2,538.64 hektar, 2,167.5 hektar daripadanya adalah kawasan tanaman kelapa sawit jenis D I P. Selebihnya diuntukkan sebagai kawasan perkampungan.

Dari segi penempatan, rumah-rumah di kawasan perkampungan rancangan ini yang berjumlah 528 adalah jenis petempatan berkelompok. Jarak antara satu rumah dengan rumah yang lain adalah dekat kerana tiap-tiap peserta diberi tanah seluas $\frac{1}{4}$ ekar bagi tapak rumah (rumah disediakan) dan untuk bercucuk tanam.

3.2 KOMUNITI

Menurut bancian penduduk, sehingga february 1984 jumlah besar penduduk di Rancangan Felda Jengka Sebelas seramai 3,272 orang.

Jadual 4: Bancian penduduk (Feb.1984)

Kategori penduduk	Lelaki	Perempuan
Peneroka & Tanggungan	1,615	1,523
Kakitangan Felda	32	37
Guru	24	15
Pekerja PNF	8	2
Lain-lain	11	5
Jumlah	1,690	1,582

Sumber: Pejabat Felda Jengka XI.

Para peneroka datang dari berbagai-bagai negeri yang tentunya membawa cara hidup di negeri masing-masing di samping loghat-loghat kedaerahan yang menebal. Mengikut taburan peneroka bagi setiap negeri, peserta dadi negeri Selangor adalah yang terbesar iaitu 133 buah keluarga. Selebihnya dapat di lihat dalam jadual berikut:

Jadual 5 : Taburan Peneroka Mengikut Negeri.

Negeri	Bil. Keluarga Peneroka
Selangor	133
Kedah	75
Pahang	74
Perak	70
Kelantan	59
Terengganu	53
Perlis	35
Johor	18
Pulau Pinang	9
Negeri Sembilan	2
Jumlah	528

Sumber: Pejabat Felda Jengka XI.

3.3 PRASARANA DAN KEMUDAHAN SOSIAL

Bagi meninggikan taraf hidup dan kesejahteraan peserta, pihak pentadbiran Felda telah menyediakan berbagai kemudahan seperti bekalan air, mesjid, sekolah rendah, balairaya, rumah kediaman dan sebagainya. Selain dari kemudahan yang telah disediakan oleh Felda, terdapat beberapa infrastruktur yang dibina sendiri oleh peneroka seperti sebuah bangunan koperasi, surau, kedai-kedai persendirian, kilang roti dan pondok menunggu bas.

Pada tahun 1984, rancangan ini telah mendapat kemudahan jalanraya yang berturap di kawasan perkampungan. Bekalan elektrik masih belum dinikmati tetapi didapati dari generator kecil yang dikongsi oleh beberapa orang penerokadan penggunaan bateri bekal untuk lampu dan T.V. Secara lebih lengkap berikut disenaraikan kemudahan asas yang ada di rancangan.

Jadual 6 : Jenis-jenis kemudahan di rancangan.


Jenis kemudahan	Tahun pembinaan
1. Pentadbiran / Persatuan	
Pejabat Felda	1973
Bangunan JKRR	1984
Bangunan Pejabat Koperasi	1976
2. Kemudahan Pelajaran	

Sekolah Rendah	1973
Sekolah Agama Rakyat	1975
Tadika	1975
3. Kemudahan Berbelanja	
Gerai Peneroka	-
Gerai Felda	1973
Kedai PNF	1981
Pasar minggu	-
4. Kemudahan Sosial	
Balairaya	1973
Wakil Pos	-
Talifon awam	1986
Kedai Minyak	-
5. Kemudahan Keagamaan	
Mesjid	1975
Surau	-
6. Kemudahan Infrastruktur	
Air paip	1980
Jalanraya	1984
Pengangkutan Bas/teksi	-
Rumah Peneroka	1973
Rumah kakitangan Felda	1973
Rumah Guru	1973
7. Kemudahan Rekreasi	
Padang bola	-
Taman Selesa	-
Padang Permainan Kanak-kanak	-
8. Kemudahan Kesihatan	
Klinik Desa	1973

3.4 KEPIMPINAN DAN PENTADBIRAN.

Dari segi pentadbiran rancangan, ianya ditadbir oleh Felda melalui Pejabat Felda Jengka Sebelas dengan jumlah kaki tangan seramai 23 orang. Ia diketuai oleh seorang Pengurus rancangan yang bertanggungjawab ke atas rancangan ini dari berbagai segi. Pengurus rancangan dibantu oleh beberapa orang Pegawai Felda yang bertindak sebagai penyelia. Dengan lebih mudah dari carta pengurusan dan organisasi melalui carta berikut;

Carta A : Pengurusan dan organisasi Pejabat Felda Jengka XI



Di peringkat rancangan diwujudkan Jawatankuasa Kemajuan Rancangan (JKKR). Ianya merupakan satu badan yang mewakili seluruh anggota di tanah rancangan. Oleh itu JKKR ini dapat mewujudkan perhubungan yang efektif antara peneroka dengan pihak Lembaga Felda di mana peneroka dapat menyuarakan hasrat mereka. Terutamanya yang berkaitan dengan kehidupan di rancangan melalui wakil-wakil yang dilantik.

JKKR Felda ditubuhkan dengan Pengurus rancangan sendiri sebagai pengerusinya. Semua ketua-ketua blok lelaki secara automatik menjadi ahli JKKR. Selain ketua blok, pengerusi GPW, ketua belia, Guru besar dan Imam juga merupakan ahli jawatankuasa.

Mesyuarat diadakan tiap-tiap bulan di mana wakil-wakil akan menyuarakan hasrat kumpulan dan pertubuhan kepada pihak Felda. Tindakan yang diambil oleh Felda akan disalurkan melalui JKKR kepada para peneroka. Penubuhan JKKR ini di samping mewujudkan satu bentuk perhubungan satu bentuk perhubungan yang efektif di antara Lembaga Felda dan peneroka. Tujuan asasnya ialah mengadakan satu sistem perwakilan para peneroka berbentuk demokrasi. Ianya juga bertujuan untuk mencapai beberapa objektif pembangunan sesuai dengan namanya JKKR. Ianya melalui susunlapis perwakilan JKKR di rancangan, JKKR

Gabungan Wilayah dan Gabungan JKRR Nasional. Para peneroka diwakili di semua peringkat di mana dasar dibentuk dan keputusan diambil.

3.5 KEGIATAN EKONOMI PENEROKA

Sebelum peneroka memasuki rancangan kebanyakan daripada mereka berada di taraf hidup yang rendah. Jenis dan pendapatan dari pekerjaan yang dilakukan tidak dapat menjamin kehidupan masa depan seperti bersawah, menoreh getah, menangkap ikan, buruh, berniaga dan bertukang kayu serta berbagai kerja yang lain.

Setelah menyertai rancangan, didapati pendapatan peneroka telah meningkat berbanding dengan di kampung asal. Daripada jadual berikut, jelas memperlihatkan perbezaan pendapatan dahulu dan sekarang.

Jadual 7: Jenis kerja dan pendapatan asal

Jenis kerja	Pendapatan \$ sebulan
Pesawah	200
Nelayan	150
Penoreh getah	200
Buruh	200
Berniaga	400
Tukang kayu	200

Jadual 8 : Purata pendapatan peneroka kasar dari hasil kelapa sawit (1981-1984).

Tahun/bulan	1981	1982	1983	1984
Januari	688.61	565.25	485.65	572.52
Februari	761.97	667.66	489.30	529.87
Mac	464.71	662.17	549.10	1,195.26
April	452.03	1,043.72	640.25	1,878.15
Mei	311.35	965.45	561.32	1,577.05
June	777.72	956.31	491.74	566.33
Julai	906.40	806.37	730.48	766.46
Ogos	1,206.39	1,120.41	1,327.42	1,119.96
September	1,450.37	971.09	2,137.49	1,170.79
Oktober	1,272.00	984.32	1,520.07	1,378.82
November	1,093.99	1,224.95	1,159.73	1,965.13
Disember	973.37	921.09	-	1,298.30
Jumlah	10,358.09	10,936.96	11,013.64	14,018.64
Purata/bulan	985.30	910.16	917.80	1,168.22

Sumber: Pejabat Rancangan Jangka XI

Dari jadual 7, didapati kebanyakan peneroka berada di bawah garis kemiskinan iaitu jika diambil garis penetapan kemiskinan adalah \$250.00 perkapita.

Jika dibuat perbandingan antara pendapatan asal dengan pendapatan sesudah menjadi peneroka, maka dapat dilihat perbezaan yang besar di antara pendapatan purata peneroka dahulu dan sekarang. Dahulu sebelum menjadi peneroka pendapatan purata sekitar \$200.00 sebulan dan setelah masuk rancangan pendapatan purata kasar telah meningkat iaitu sebagai contoh, \$985.37 pada tahun 1981,

\$910.16 (1982), \$917.80 (1983), dan \$1,168.32 pada tahun 1984.

Melihat kepada perangkaan ini, maka jadual 8 menunjukkan jumlah peneroka di bawah garis kemiskinan adalah kosong. Walau bagaimanapun jumlah pendapatan yang ditunjukkan dalam penyata ini adalah merupakan pendapatan kasar yang belum ditolak hutang atau potongan tetap oleh Felda seperti dalam jadual di bawah.

Jadual 9 : Potongan tetap Felda

a. Bayaran kembali (BK)	: 140.44/ekar/bulan(purata)
b. Cukai tanah (CAC)	: 0.807/ekar/bulan
c. Tanam semula (TS)	: 3.34/ekar/bulan
d. Penjagaan jalan pertanian	: 1.00/ekar/bulan
e. Insuran ladang	: 4.00/ekar/tahun
f. Simpanan baja	: 11.00-14.00/ekar/bulan
g. Tabung simpanan baja	: 1.00/tan/bulan

Walaupun pendapatan peneroka ini telah meningkat dan lebih baik dari pendapatan asal, berdasarkan kepada pengeluaran dan harga buah sawit yang tidak stabil ditambah pula dengan kos sara hidup yang tinggi, ianya masih belum mencukupi bagi setengah-setengah orang. Pendapatan bersih sekitar \$400.00 hingga \$600.00 tidak mencukupi untuk menanggung ahli keluarga yang semakin ramai.

Oleh itu di samping usaha-usaha ladang kelapa sawit sebagai sumber pendapatan yang utama, ramai peneroka membuat kerja-kerja sampingan seperti berniaga kecil-kecilan, bertukang kayu, pemandu kereta sapu, teksi, bas, lori; guru Agama, mengambil upah potong buah dan sebagainya.

Di sini jelas dilihat pendapatan peneroka selepas menjadi peneroka adalah jauh lebih tinggi daripada sebelum memasuki rancangan. Dengan pendapatan yang lebih baik ini dapatlah mereka menyimpan sebahagian daripada pendapatan mereka untuk kegunaan masa depan. Lebihan pendapatan ini juga dilaburkan seperti dalam Amanah Saham Nasional, Permodalan Felda Berhad, Tabung Haji, Koperasi dan sebagainya. Pelaburan peneroka dalam Permodalan Felda Berhad berjumlah \$173,900.00 dengan penyertaan seramai 263 orang pada tahun 1984. Seramai 399 orang melabur dalam Amanah Saham Nasional dengan jumlah pelaburan terkumpul pada tahun 1983 berjumlah \$58,250.00. Sebanyak \$35,850.00 telah disimpan oleh 216 orang dalam tahun 1982. Manakala semua peneroka seramai 518 orang mempunyai saham terkumpul kira-kira \$212,445.80 dalam koperasi Jengka XI pada tahun 1984.

BAB IV

KOPERASI FELDA MELATI (JENGKA XI) BERHAD

Bab ini akan membincangkan Koperasi ini dari aspek sejarah awal penubuhannya dan perkembangannya hingga kini. Penekanan kepada koperasi masa kini dalam aspek-aspek termasuklah struktur dan organisasi, pentadbiran dan pengurusan, aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam bidang ekonomi dan sosial; prestasi, masalah dan cara penyelesaian.

4.1 PENUBUHAN KOPERASI DI TANAH RANCANGAN FELDA SEPINTAS LALU.

FELDA* melaksanakan pembangunan secara berpadu atau pendekatan serba lengkap dengan menyediakan kemudahan awam dan khidmat untuk meninggikan taraf ekonomi masyarakat peneroka di rancangan. Antara kemudahan itu seperti bekalan elektrik, air, jalanraya, rumah kediaman, sekolah dan sebagainya. Selaras dengan usaha pembangunan tanah,

* FELDA atau nama penuhnya Federal Land Development Authority atau Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan ditubuhkan di bawah Ordinan Kemajuan Tanah Bil. 20 (1956), dikuatkuasa pada 1hb. Julai 1956 sebagai sebuah agensi pembangunan tanah.

pembangunan peneroka juga dititikberatkan dengan tujuan mewujudkan masyarakat peneroka yang berdikari, progresif dan bertanggungjawab. Selaras dengan strateji Program Pembangunan Sosial Felda yang bertujuan menanam semangat ingin bekerja, berdikari dan sanggup membaiki kehidupan di kalangan peneroka sendiri. Seterusnya memberi motivasi dan peluang kepada peneroka untuk menjadi ahli masyarakat yang berdikari, progresif dan bertanggungjawab serta boleh membuat keputusan sendiri. (Peneroka, 1983 :7)

Untuk mencapai matlamat ini, Felda telah mengadakan di tiap-tiap rancangan, program pembangunan sosial dan ekonomi meliputi semua aspek kehidupan seperti kepimpinan, perniagaan, pelajaran dan pembangunan rohani. Dengan itu di rancangan Felda diwujudkan pertubuhan-pertubuhan sosial seperti Jawatankuasa Keselamatan Dan Kemajuan Rancangan (JKKR), Persatuan Belia, Gerakan Persatuan Wanita (GPW) dan Rela.

Dalam aspek kerohanian diwujudkan Badan Mesjid Dan Khairat Kematian, Kumpulan Yassin dan sebagainya. Dan dalam bidang perniagaan pula ditubuhkan koperasi di samping perniagaan secara persendirian.

Berhubung dengan koperasi, sejarah koperasi dalam rancangan Felda telah lama dan ianya mula ditubuhkan semenjak tahun 1960 an lagi. Kegiatannya pada masa itu

adalah membekalkan barang-barang keperluan harian. Oleh sebab prinsip menjadi ahli secara sukarela maka ahli koperasi pada masa itu tidak menyeluruh dan bercampur-aduk pula dengan semua penduduk yang terdiri dari guru-guru sekolah, polis dan sebagainya di samping peneroka rancangan. Koperasi peringkat awal ini dikenali sebagai Co-op.Stores Soc. Ltd. Kebanyakan koperasi sebegini telah dibubarkan kerana menanggung kerugian atau hutang yang tidak boleh dituntut di samping persaingan dengan Kedai Perbadanan Niaga Felda dan kedai-kedai persendirian.

Koperasi peneroka Felda sebenarnya bermula semenjak tahun 1974 bila pihak Felda membuat dasar supaya koperasi ditubuh dan digalakkan mengambil alih pengangkutan kelapa sawit buah tandan baru (BTB) dari ladang ke kilang yang biasanya dibuat secara tender. Felda telah mensyaratkan bahawa setiap peneroka di dalam rancangan tanaman kelapa sawit dikehendaki menjadi ahli dan Felda membantu membuat potongan bulanan untuk saham koperasi. Biasanya potongan dibuat sebaik sahaja peneroka masuk rancangan dan koperasi belum ditubuhkan. Wang itu di simpan oleh JKRR, badan induk di peringkat rancangan tetapi tidak berdaftar.

Perkembangan koperasi-koperasi Felda sehingga 1984, di samping 205 buah koperasi telah didaftarkan,

ahli-ahlinya telah bertambah kepada 70,388 orang dan saham berbayar berjumlah \$11.492 juta serta harta bernilai \$13.916 juta. Di antara kegiatan-kegiatan koperasi ini termasuklah;

1. Pengangkutan hasil ladang, termasuk BTB, minyak sawit serta susu getah.
2. Pengangkutan bas awam, bas sekolah dan teksi.
3. Kontrek membuat dan membaiki jalan pertanian.
4. Mini market dan kedai runcit.
5. Stesyen minyak dan bengkil.
6. Bekalan barang-barang binaan dan hardware.
7. Lain-lain seperti agensi insuran, bekalan racun rumpai, alat-alat pertanian, alat-alat elektrik dan sebagainya.

Di samping koperasi Felde di peringkat rancangan ada juga beberapa buah koperasi gabungan di peringkat wilayah, iaitu gabungan beberapa buah koperasi dalam satu-satu wilayah. Misalnya di Negeri Pahang terdapat lima buah koperasi gabungan iaitu Koperasi Gabungan Felde Wilayah Jengka/Pahang Tengah/Pahang Barat; Koperasi Gabungan Felde Pahang Utara; Koperasi Gabungan Gugusan Bera dan Koperasi Sri Peneroka Pahang Timor.

Di antara tujuan penubuhan koperasi gabungan ini

ialah bekerjasama dalam aktiviti-aktiviti ekonomi dan sosial seperti kemudahan mendapatkan 'block discount) daripada bank. Kegiatan-kegiatan koperasi gabungan ini termasuklah;

- a. Mengendalikan bas awam dan teksi.
- b. Membekalkan alat-alat jentera seperti lori, trektor, treler, tayar serta alat-alat ganti.
- c. Membekalkan minyak diesel dan pelincir beserta tangki menyimpan minyak.
- d. Membekalkan racun rumpai dan alat penyembur, kereta sorong dan lain-lain alat dan input pertanian.
- e. Lain-lain seperti agen insuran, agen mengutip bil elektrik dan air dan sebagainya.

Dengan keadaan masyarakat yang berdisiplin dan teratur dalam rancangan Felda, gerakan koperasi boleh dijadikan sebagai amalan hidup seharian berlandaskan kepada semangat berdikari dan membantu di antara satu sama lain.

4.2 SEJARAH KOPERASI FELDA MELATI BERHAD

Koperasi Felda Melati Berhad telah ditubuhkan secara haram yakni tidak didaftarkan pada tahun 1974. Modal saham telah dikutip mulai bulan April 1974. Pada awal pergerakannya koperasi ini tidak mempunyai lori tetapi menyewa lori kepunyaan ahli atau lori luar untuk mengangkut buah kelapa sawit dari ladang ke kilang.

Pada 31 hb.Mei 1977 koperasi ini telah didaftarkan dengan seramai 470 orang ahli yang merupakan peneroka awal. Modal saham ketika itu berjumlah \$28,045.00 iaitu bersamaan \$59.67 seorang purata. Dalam usianya yang begitu muda, koperasi ini hanya menjalankan tiga jenis aktiviti iaitu pengangkutan BTB, jualan kayu teras dan pelaburan di Perbadanan Niaga Felda (PNF). Pendapatan kasar dari aktiviti ini berjumlah \$29,043.52 bagi tahun kewangan yang pertama berakhir 31 hb,Disember 1977.

4.3 KOPERASI FELDA MELATI KINI


4.3a.Struktur dan organisasi koperasi.

Struktur organisasi pentadbiran koperasi dibuat berdasarkan keputusan mesyuarat agung tahunan yang dijalankan setahun sekali. Dalam Mesyuarat Agung Tahunan Ke Enam pada 26 hb.Oktober 1985 lalu, kira-kira 75% ahli-

ahli dapat menghadirkan diri bagi memilih 12 orang Ahli Lembaga Pengarah (ALP) yang baru serta mengemukakan pertanyaan, cadangan dan sebagainya. Sebagai ahli-ahli koperasi mereka dapat menganalisa sejauh mana prestasi dan pencapaian kemajuan koperasi dan kakitangan dalam mengendalikan urus niaga sepanjang tahun lalu.

Carta B berikut menjelaskan struktur organisasi koperasi Jengka XI.

Carta B : Struktur organisasi Koperasi Felda Jengka XI.



Sumber: Pejabat Koperasi Jengka XI.

Daripada carta tersebut, pentadbiran koperasi telah diamanahkan kepada 12 orang ALP yang telah dilantik oleh ahli-ahli koperasi melalui mesyuarat agung tahunan. Mereka terdiri daripada 3 orang exco iaitu seorang pengerusi, seorang setiausaha, seorang bendahari dan 9 orang ahli jawatankuasa.

Pengurus rancangan dengan sendirinya terlantik sebagai Yang Di Pertua Koperasi dengan kuasa menasihati dan menandatangani cek koperasi. Beliau dibantu oleh seorang pegawai rancangan sebagai pegawai penyelarass koperasi. Dua orang pemeriksa kira-kira dalam dilantik di kalangan ahli koperasi bagi melicinkan urusan memeriksa kira-kira koperasi. Koperasi telah melantik sebuah firma juruaudit swasta untuk mengaudit kira-kira koperasi sepanjang tahun.

Dalam pengurusan seharian koperasi pula, seramai 31 orang diambil bekerja di koperasi dengan bayaran gaji bulanan. Kakitangan ini terdiri daripada seorang pengurus, seorang pengurus bengkil, seorang kerani kewangan, seorang keranisam, 2 orang pomen, seorang jaga, 2 orang pemandu bas, 2 orang kondaktor bas, 9 orang pemandu trektor, dan 11 orang pemandu lori.

Tugas dan tanggungjawab pentadbiran dengan pengurusan sebenarnya tidak dicampur adukkan antara tugas sebagai ALP dengan pengurusan seharian secara langsung;

yang diuruskan oleh pengurus koperasi dan pekerja-pekerjanya. Ini kerana jika pegawai-pegawai kanan koperasi (ALP) terlibat dalam koperasi tiada siapa akan mengawasi mereka. Jika berlaku penyelewengan tiada siapa yang mahu mempersoalkan kepincangan yang mereka lakukan dalam mesyuarat ALP kerana 'segan' atau 'malu alah' dan sebagainya. Tugas ALP secara keseluruhan adalah membuat dasar dan mengawasi perjalanan koperasi. Mereka dibayar elaun mesyuarat ALP dan elaun bulanan bagi exco koperasi. Mesyuarat Khas ALP dan mesyuarat bulanan ALP diadakan setiap bulan.

Semua usul-usul dan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh ahli-ahli di dalam mesyuarat agung akan dibawa ke dalam mesyuarat bulanan ALP untuk tindakan selanjutnya. Jadi keputusan sebenarnya terletak di atas budi bicara ALP untuk memutuskannya. Misalnya usul pembelian tambahan sebuah bas sekolah dari ahli pada tahun 1983. Dalam urusan pembelian bas tersebut banyak perkara-perkara yang menimbulkan masalah akibat campur urus yang tidak sepatutnya oleh ALP. Bagaimanapun masalah tersebut dapat diselesaikan setelah perbincangan yang mendalam dibuat.

4.3b Kegiatan Koperasi

Koperasi berbanding dengan badan-badan lain yang ada di rancangan Felda merupakan satu-satunya badan yang dapat bergerak cergas dalam kegiatan perniagaan dan perkhidmatan bagi meninggikan taraf ekonomi masyarakat rancangan. Koperasi di rancangan dapat memajukan ekonomi peneroka dengan cara menjalankan perniagaan secara sekutu. Ia juga dapat membentuk sebuah masyarakat yang bekerjasama di kalangan peneroka dan semangat bekerjasama ini perlu dipupuk di antara peneroka yang mempunyai latarbelakang yang berbeza dan pengalaman yang tidak sama. Melalui kegiatan koperasi perbezaan dan ketidaksamaan ini dapat dikurangkan.

Koperasi juga dapat menyediakan kemudahan sosial di samping menjadi pemborong kerja-kerja pengangkutan BTB, baja dan pembaikan jalan pertanian. Perkhidmatan sosial seperti perkhidmatan bas sekolah, membawa mayat ke kubur, memberi derma dan sebagainya. Selaras dengan prinsip memberi pelajaran kepada ahli-ahli, koperasi di peringkat rancangan dapat memberi latihan terutama kepada ahli jawatankuasa dari segi urusan pentadbiran, urusan kewangan dan hubungan kemasyarakatan.

Secara lebih lengkap di sini akan dikemukakan kegiatan koperasi Jengka XI sehingga tahun 1985.

i. Pemborong pengangkutan Buah Tandan Baru (BTB)

Koperasi Felda Melati telah mula menjalankan aktiviti mengangkut BTB dari ladang ke kilang sejak awal penubuhan pada tahun 1974, walaupun terpaksa menyewa lori-lori kepunyaan ahli-ahli dan orang luar. Kegiatan mengangkut BTB ini hanya terhad di rancangan Felda ini sahaja. Sehingga tahun 1985, koperasi telah menyediakan 7 unit trektor, 9 buah lori untuk kerja mengangkut BTB. Upah yang diterima oleh koperasi atau harga pengangkutan BTB bagi satu tan adalah \$8.25 ke kilang Jengka 8 dan Jengka 9, dan \$15,50 ke kilang Jengka 18. Bagi tahun kewangan 1984, pendapatan kasar dari kerja pengangkutan BTB berjumlah \$395,546,00.

Pemandu-pemandu terdiri dari ahli-ahli koperasi yang bekerja dengan koperasi. Mereka dibayar gaji bulanan, elaun, K.W.S.P serta insuran pekerja. Kerja-kerja mengangkut dan memunggah buah ke dalam lori biasanya disubkontrekkan kepada ahli-ahli yang lain ataupun dibuat sendiri oleh ahli-ahli blok yang berkenaan. Setiap blok ada disediakan seorang pemandu BTB bagi memudahkan kerja-kerja memunggah buah.

Kerja-kerja pengangkutan yang sistematik dan mengikut jadual dapat menentukan BTB yang baru dituai dapat diangkut dengan segera ke kilang. Ini untuk mengelakan

buah yang baru dituai terbiar lama di fletform daripada rosak dan tentunya menjejaskan harga buah sawit, semasa ia digred di kilang. Harga BTB berasas grading di tunjukkan dalam jadual di bawah.

Jadual 10 : Purata harga BTB (\$)/metrik tan 1985.

Gred/bulan	Mei	June	Julai
A	234.83	212.30	162.03
B	215.88	195.16	148.91
C	204.05	184.44	140.71
D	192.20	173.73	122.67
E	177.99	160.87	-

Sumber: Majalah Peneroka, 1986.

Di bawah sistem peraturan kontrak di rancangan Felda, kerja-kerja pengangkutan BTB dikhaskan kepada koperasi peneroka rancangan. Bayaran untuk kerja-kerja ini dibuat 100% di peringkat wilayah. Dalam usaha menggalakkan penyertaan koperasi dalam kerja pengangkutan BTB, Felda sendiri telah menyediakan peruntukkan untuk koperasi bagi mendapatkan pinjaman pembelian kenderaan tambahan.

ii. Pengangkutan Baja

Perkhidmatan mengangkut baja untuk tanaman kelapa sawit dilakukan secara borong oleh koperasi dari Felda. Baja diangkut dari setor baja di Pejabat rancangan

ke ladang dengan dibantu oleh ahli-ahli blok yang memerlukan baja mengikut jadual membaja yang ditetapkan. Upah mengangkut yang dikenakan sebanyak \$6.70 satu tan baja dibayar oleh blok yang berkenaan.

iii. Kontrek membaiki jalan pertanian

Jalan-jalan pertanian kerap rosak terutama dalam musim hujan bila dilalui oleh kenderaan mengangkut BTB, jadi membaiki jalan pertanian sangat perlu bagi melicinkan kerja mengangkut BTB ke kilang. Permohonan kontrek membaiki jalan pertanian diperolehi dari Felda. Kerja-kerja ini telah disub kontrekkan pada tahun 1985. Pendapatan dari kontrek membaiki jalan pertanian ialah \$17,160.00 setelah ditolak perbelanjaan berjumlah \$52,190.00.

iv. Pembajakan tanah

Perkhidmatan pembajakan tanah ini dilakukan dengan mengenakan kadar sewa yang berpatutan. Biasanya pembajakan tanah untuk tujuan pertanian dan meratakan tapak rumah.

v. Pengangkutan sampingan

Pengangkutan sampingan seperti mengangkut kayu

mengambil kontrek mengangkut batu juga dijalankan bagi menambah pendapatan.

vii. Pengangkutan murid sekolah/bas sekolah.

Perkhidmatan bas sekolah ini dimulakan sejak tahun 1982 bagi mengatasi masalah perkhidmatan bas luar yang tidak memuaskan. Sehingga kini koperasi telah memiliki dua buah bas bernilai \$118,796.00. Kadar tambang bulanan adalah \$7.50 seorang dengan jarak kawasan perkampungan ke sekolah menengah di Bandar Pusat sejauh 4 km. Selain menyediakan bas untuk murid sekolah, bas ini juga disewakan untuk rombongan. Pendapatan yang di perolehi dari sewa rombongan sebanyak \$31,868.06 (1984) melebihi dari kutipan tiket bas sekolah berjumlah \$19,185.60.

vii. Penjualan runcit

Kegiatan ini meliputi penjualan minyak diesel, minyak hitam, tong deram, alat ganti kenderaan, gas dan sebagainya kepada ahli-ahli koperasi sahaja. Had jualan minyak diesel ialah \$200.00 seorang. Koperasi juga menjual racun rumput dan racun serangga dengan harga yang berpatutan.

viii. Perkhidmatan sosial

Koperasi juga tidak ketinggalan dalam usaha untuk meningkatkan kebajikan ahli-ahlinya. Antara lain termasuklah perkhidmatan mengangkut sampah dua kali sebulan, menghantar jenazah ke kubur, memberi bantuan saguhati kemalangan bagi ahli, menganjurkan kursus mekenik, memberi pinjaman kepada kakitangan di bawah paras gaji, memberi derma dan sebagainya.

ix. Simpanan tetap dan pelaburan.

Bagi tujuan menambahkan pendapatan, koperasi telah membuat pelaburan seperti pelaburan dalam Saham Taksir Harga, seperti Koperasi Permodalan Felda Berhad, Koperasi Gabungan Felda Wilayah Jengka/Pahang Tengah/Pahang Barat Berhad, Perbadanan Kedai-kedai Felda dan Koperasi Usaha Bersatu.

Pelaburan dalam saham siarharga pula ialah dalam Idris Hydraulic (Malaysian) Berhad. Koperasi juga memperolehi pendapatan dari faedah simpanan tetap di bank seperti Perwira Habib Bank Malaysia Berhad, Bank Bumiputera Malaysia Berhad dan Bank Pertanian Malaysia.

4.4 PRESTASI KOPERASI

Setelah hampir 12 tahun koperasi ini ditubuhkan, banyak kejayaan yang telah dicapai dalam usahanya untuk meninggikan taraf sosio-ekonomi peneroka FELDA. Ini dapat dilihat dari penambahan aktiviti dari tahun ke tahun, bilangan ahli dan modal saham, harta tetap, pelaburan serta yang penting pendapatan dari segala aktiviti yang dijalankan.

Berdasarkan kepada jadual aktiviti ekonomi koperasi, pendapatan yang besar diperolehi dari aktiviti pengangkutan BTB diikuti oleh kerja kontrek membaiki jalan pertanian dan faedah dari pertaruhan tetap di bank. Pada tahun 1977, pendapatan kasar dari pengangkutan BTB berjumlah \$15,116.72. Setelah ditolak upah sewa lori luar sebanyak \$13,446.20, keuntungan bersih ialah \$1,670.52. Pendapatan dari aktiviti ini semakin meningkat sehingga paras yang tertinggi pada tahun 1982 iaitu \$714,977.86. Kemudian menurun pada tahun 1983 dan pada tahun 1984 pendapatan kasarnya berjumlah \$375,398.74. Penurunan pendapatan adalah berpunca dari kekurangan pengeluaran BTB dan penurunan harga minyak sawit di pasaran dunia.

Dari segi bilangan ahli, pada tahun 1977 berjumlah 470 orang meningkat kepada 519 orang pada tahun 1984. Diawal penubuhan koperasi ini saham tiap-tiap ahli adalah

Jadual 11: Aktiviti Koperasi (1977-1984)

Pendapatan Kasar Tahunan								
Aktiviti/Tahun	1977	1978	1979	1980	1981	1982	1983	1984
1. Pengangkutan BTB	1,670	21,355	27,591	439,114	425,438	714,977	389,685	375,398
2. Sewa lori/trektor	-	-	-	14,316	2,366	2,114	9,372	20,156
3. Bas	-	-	-	-	-	7,662	34,569	51,053
4. Membaiki J/Perta.	-	-	-	-	-	-	-	69,350
5. Jualan runcit								
Kayu teras	27,373	-	-	-	-	-	-	-
Racun rumpai	-	352	-	-	-	-	-	-
Minyak keladak	-	36,565	35,000	-	-	-	-	-
Tong deram	-	-	-	360	-	-	-	-
Minyak diesel	-	-	-	-	-	-	546	1,037
6. Pelaburan								
Dividen PNF	-	400	400	400	190	-	-	-
Faedah Bank	-	-	-	-	1,961	13,105	19,734	14,838
Dividen KPF	-	-	-	-	-	-	1,500	1,500
7. Pelbagai pendapatan	-	233	-	51	1,250	264	494	108
jumlah	29,043	58,905	62,991	454,241	431,195	738,122	455,900	533,440

\$59.67 seorang purata bersamaan dengan \$28,045.00. Modal saham bagi tahun 1984 berjumlah \$212,445.80. Berdasarkan jadual 12, penambahan modal saham dari tahun ke tahun telah dapat mempelbagaikan aktiviti di samping pembelian beberapa jenis harta tetap seperti lori dan traktor. (Lihat lampiran senarai Harta Tetap)

Jadual 12: Bilangan ahli dan modal saham

Tahun	Bil.ahli	Modal saham (\$)
1977	470	28,045.00
1978	515	46,528.00
1979	515	128,337.21
1980	515	181,882.01
1981	515	199,797.32
1982	515	214,811.76
1983	519	213,586.00
1984	519	212,445.80

Sumber: Pejabat Koperasi Jengka XI

Sebagai menambahkan lagi pendapatan, koperasi telah melabur dalam pelbagai pelaburan seperti dalam saham taksiar harga termasuk dalam Koperasi Permodalan Felda Berhad, Koperasi Gabungan Felda Wilayah Jengka/Pahang Tengah/Pahang Barat Berhad, Perbadanan Kedai-Kedai Felda dan Koperasi Usaha Bersatu.

Pelaburan juga dibuat dalam saham siarharga

seperti Idris Hydraulic (Malaysian) Berhad. Pendapatan diperolehi dari faedah pertaruhan tetap dalam bank seperti Perwira Habib Bank, Bank Bumupetera dan Bank Pertanian Malaysia. Pertaruhan tetap dalam bank sehingga 31 hb. Disember 1984 berjumlah \$64,098.00 dengan perolehan faedah sebanyak \$14,838.87. (Lihat jadual pelaburan bagi tahun 1984)

Jadual 13: Senarai pelaburan koperasi bagi tahun 1984.

Jenis Pelaburan	Nilai pelaburan \$
Pelaburan dalam saham taksiar harga	10,000.00
i. Koperasi Permodalan Felda Berhad	10,000.00
ii. Koperasi Gabungan Felda Wilayah Jengka/Pahang Tengah/Pahang Barat Bhd.	5,000.00
iii. Perbadanan Kedai-Kedai Felda	2,000.00
iv. Koperasi Usaha Bersatu	<u>1,000.00</u>
	18,000.00
Pelaburan dalam saham siarharga	
- Idris Hydraulic (Malaysian) Bhd.	1,000.00
Harta Kumpulanwang Rizab Berkanun	
-diwakili oleh pertaruhan tetap dalam;	
i. Perwira Habib Bank, Jengka	16,575.00
ii. Bank Bumiputera Malaysia Berhad	23,542.50
iii. Bank Pertanian Malaysia	<u>23,980.50</u>
	64,098.00

Sumber : Pejabat Koperasi Jengka Sebelas, Laporan Audit bagi tahun berakhir 31 hb. Disember, 1984.


Jadual 14 : Pendapatan Bersih Tahunan (1977-1984).

Tahun	Pendapatan (\$)	Perbelanjaan (\$)	Keuntungan/ Kerugian
1977	29,043.52	1,406.25	27,637.27
1978	22,340.00	7,532.00	14,808.00
1979	27,991.73	23,151.21	4,840.52
1980	107,033.00	31,987.37	75,045.63
1981	108,327.07	52,918.37	55,408.70
1982	251,916.55	69,285.02	182,631.53
1983	70,725.00	84,377.00	13,652.00
1984	77,935.15	62,014.78	15,920.37

Sumber: Laporan Audit Tahunan 1977-1984, Pejabat Koperasi
Felda Jengka XI.

Berdasarkan jadual 14 dan geraf berikutnya, didapati prestasi Koperasi Jengka XI berubah-ubah dari segi pendapatan bersihnya. Pada tahun 1977, koperasi memperoleh keuntungan bersih berjumlah \$27,637.27 dari dua kegiatan utama iaitu aktiviti pengangkutan BTB dan jualan kayu teras.

Koperasi telah mencapai keuntungan bersih yang paling tinggi pada tahun 1982 berjumlah \$182,631.53. Pendapatan terutama diperolehi dari kontrek pengangkutan BTB yang meningkat secara mendadak serta faedah yang banyak dari bank. Bagaimanapun perniagaan bas sekolah yang dimulakan pada tahun 1982 telah mengalami kerugian akibat

Graf : Keuntungan/Kerugian Bersih Tahunan (1977-1984)

dari kos perbelanjaan yang tinggi.

Namun demikian pendapatan bersih koperasi telah berkurangan dengan banyaknya pada tahun 1983 dan 1984. Daripada angka-angka dalam jadual 14 di dapati aktiviti pendapatan pengangkutan dan sewa lori/trektor bagi tahun 1984 berbanding 1983 meningkat sedikit tetapi keuntungannya menurun kerana perbelanjaan meningkat juga.

Aktiviti bas sekolah bagi tahun 1984 pula mengalami kerugian walaupun pendapatan meningkat daripada tahun 1983. Ini disebabkan perbelanjaan yang meningkat terutama susutnilai bas, minyak diesel, komisyen rombongan, gaji pemandu dan sebagainya.

Kerja kontrek membaiki jalan pertanian yang dijalankan buat pertama kali pada tahun 1984 telah mendapat keuntungan lebih \$17,000.00. Aktiviti sampingan yang lain jelas menunjukkan pencapaian yang positif sebagai punca pendapatan yang boleh dimajukan lagi. Pada keseluruhannya prestasi pada tahun 1984 adalah lebih baik dari tahun 1983 dengan memperolehi keuntungan bersih lebih \$15,000.00 berbanding dengan kerugian bersih sebanyak \$13,500.00 pada tahun 1983.

4.5 MASALAH KOPERASI

Seperti lain-lain koperasi dan perniagaan, Koperasi Felda Jengka XI juga mengalami beberapa masalah dalam urusan pentadbiran dan perniagaannya. Masalah yang biasa dialami oleh koperasi ialah masalah pengurusan yang kurang teratur. Ini termasuklah penyimpanan buku-buku akaun dan rekod kewangan yang tidak lengkap dan kemaskini, pembayaran-pembayaran yang dibuat tanpa dokumen yang sah dan terimaan wang tunai yang tidak dicatat dengan sempurna. Oleh sebab itu kerja mengaudit akaun tidak dapat diadakan mengikut jadual dan ini menyebabkan koperasi tidak dapat mengadakan mesyuarat agung tahunan pada tahun 1974-1976.

Masalah tadi menjadi semakin rumit, terutama kurangnya pengalaman Ahli Lembaga Pengarah dalam urusan perniagaan secara koperasi seperti tidak memahami dengan jelas prinsip dan konsep koperasi. Keadaan ini berlaku bila ALP yang sudah berpengalaman mungkin digugurkan atas undian ahli dalam mesyuarat agung. Contohnya apabila seorang bendahari yang telah mahir dengan kaedah menulis akaun digugurkan jawatannya dalam pemilihan tersebut. Ini menjadi masalah bagi koperasi dalam proses melatih bendahari yang baru yang memakan masa 3 hingga 6 bulan untuk mahir.

Bagi mengatasi masalah ini koperasi menghantar ALP menjalani latihan dalam bentuk cara mentadbir dan menulis akaun di Jabatan Pembangunan Koperasi Daerah Temerloh. Tunjukajar dari ANGKASA juga selalu diterima.

Dalam urusan seharian koperasi, kadang kala ALP terlibat secara langsung di mana sepatutnya tugas dan tanggungjawab pentadbiran tidak harus di campuradukkan. Ini menimbulkan tidak puashati kakitangan dan pekerja koperasi serta kemungkinan penyelewengan akan berlaku. Bagi mengatasi masalah ini Pengurus Rancangan sebagai Yang Di Pertua koperasi perlu mengawasi keadaan itu, tetapi kadang kala beliau tidak dapat bertindak kerana gerakgeri ALP tidak dapat diikuti setiap masa.

Dalam sesuatu organisasi, kerjasama di antara semua pihak adalah perlu untuk menggerakkan koperasi. Seringkali ditemui seruan pemimpin koperasi supaya ahli-ahli memberikan kerjasama seperti menghadiri mesyuarat, patuh kepada persetujuan ramai dan sebagainya. Menurut ALP yang ditemui adakala didengari suara-suara sumbang yang memperkecilkan kewibawaan ALP. Contohnya dalam urusan pembelian bas sekolah tambahan (1983), kerana banyak masalah yang timbul dan ianya menjadi pertanyaan di kalangan ahli-ahli.

Tohmah-tohmah dan syak wasangka memang ada di kalangan ahli terhadap ALP terutama bila sahaja koperasi mengalami kerugian. Menurut ALP lagi, masih ada ahli-ahli yang tidak memahami konsep dan prinsip koperasi. Dari kajian yang dijalankan, didapati ada sebilangan responden yang teragak-agak dan ada yang tidak dapat memberi makna kepada istilah koperasi itu sendiri.

Walau bagaimanapun pada keseluruhannya, penglibatan peneroka di dalam koperasi ini adalah aktif berdasarkan keahlian, kehadiran di dalam mesyuarat agung serta cadangan membina yang disuarakan untuk memajukan koperasi. Contohnya cadangan supaya koperasi bidang perniagaan lain seperti stesyen minyak, membeli rumah, membeli tanah, membeli lori untuk pengangkutan luar dan membuka kedai.

Koperasi masih lagi mengalami masalah kekurangan kenderaan mengangkut BTB terutama dalam musim buah banyak. Keadaan ini bertambah sulit bila kenderaan yang sedia ada kerap sahaja rosak kerana sebahagian kenderaan yang dibeli adalah kenderaan terpakai yang sudah tua. Keadaan ini disulitkan lagi bila kilang memproses kelapa sawit tidak mampu menerima dan memproses dengan kadar yang begitu banyak sekaligus. Hal ini menyebabkan lori-lori yang berisi BTB terpaksa berbaris menunggu giliran sedangkan lori itu diperlukan untuk pengangkutan pada masa yang sama.

Dalam musim hujan, jalan-jalan pertanian mudah rosak dan ini menyukarkan lori/trektor membawa keluar BTB dalam kuantiti yang banyak. Apabila buah sawit lambat di hantar ke kilang, ia akan rosak dan harganya akan digredkan rendah. Untuk mengatasi masalah kekurangan kenderaan, koperasi perlu menambah kenderaan terutama kenderaan terpakai yang tidak terlalu tua kerana harganya lebih murah. Masalah jalan pertanian yang kerap rosak pula diatasi dengan penggunaan treler supaya jalan-jalan yang baru dibaiki tahan lebih lama, dan lubang-lubang kecil yang menakung air perlu ditimbus dengan segera supaya ianya tidak menjadi lebih buruk apabila dilalui oleh jentera.

Selain masalah di atas koperasi menghadapi masalah tindakan undang-undang oleh pihak berkuasa seperti kenderaan tiada cukai jalan, tiada insuran, keadaan kenderaan yang tidak sempurna, membawa muatan berlebihan, muatan tidak bertutup jaring dan ugutan-ugutan dari pihak tertentu yang mahukan 'duit kopi'. Biasanya koperasi membayar cukai jalan dan insuran semasa mula-mula membeli sebuah lori kerana hendak mendapatkan kewangan dan pendaf-taran. Oleh sebab kenderaan koperasi digunakan dalam ladang dan kalau menempuh jalanrayapun hanya sedikit sahaja, maka koperasi merasakan tidak perlu membayar cukai jalan kerana merugikan.

Bagaimanapun Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)

memberi kelonggaran iaitu jika lori koperasi menggunakan jalanraya tidak lebih daripada 10 batu maka potongan sehingga 90% daripada cukai jalan diberikan. Masalahnya untuk membayar 10% setiap 6 bulan sekali, lori koperasi terpaksa lulus pemeriksaan dan ujian JPJ yang menelan belanja \$1,500.00 hingga \$4,000.00 sebuah untuk membaiki kenderaan yang kebanyakannya kurang sempurna. Apa yang penting kepada koperasi ialah enjinnya baik, brek serta lain-lain bahagian yang menggerakkan lori itu baik.

Disebabkan keenggaran koperasi mematuhi undang-undang, maka banyaklah 'jembalang' yang mengancam koperasi. Jadi koperasi terpaksa 'menjamu' mereka supaya mereka tidak mengancam. Segala masalah yang timbul akan dikemukakan di dalam mesyuarat bulanan ALP dan Mesyuarat Khasnya untuk perbincangan selanjutnya.

Pembahagian umur	Jumlah	♂	betara	♀
26 - 30	5	12	4	16
31 - 35	13	25	11	22
36 - 40	12	26	21	22
41 - 45	18	30	10	20
46 ke atas	2	4	-	-
Jumlah	50	100	50	100

BAB V

LATARBELAKANG RESPONDEN DAN SIKAP TERHADAP KOPERASI

Dalam bab ini pengkaji akan memberikan gambaran latarbelakang responden dan sikap mereka terhadap koperasi. Tumpuan diberikan kepada beberapa aspek seperti biodata responden, tanggungan, keadaan sosia ekonomi dan seterusnya melihat sikap mereka terhadap koperasi; penglibatan mereka, sejauhmana koperasi dapat memberikan faedah dalam meninggi-kan taraf hidup mereka. Sumber data diperolehi dari soal-selidek.

5.1 BIODATA RESPONDEN

a. Dari kajian yang dibuat didapati umur responden masih di dalam lingkungan bertenaga untuk mengerjakan ladang. Dalam jadual 15 memberikan gambaran kedudukan umur 50 orang responden.

Jadual 15 : Kedudukan umur responden dan isteri.

Pembahagian umur	Suami	%	Isteri	%
26 - 30	5	10	8	16
31 - 35	13	26	11	22
36 - 40	12	24	21	42
41 - 45	18	36	10	20
46 ke atas	2	4	-	-
Jumlah	50	100	50	100

Kedudukan umur seperti dalam jadual 15 menunjukkan majoriti responden dan isteri berumur dalam lingkungan 36 - 45 tahun.

b. Tingkat pendidikan

Tingkat pendidikan kebanyakan responden adalah rendah, yang memungkinkan mereka membuat keputusan untuk menyertai skim pembangunan tanah Felda. Dari jadual 16 berikut menunjukkan pencapaian pendidikan kebanyakan responden dan isteri mereka adalah rendah.

Jadual 16 : Tingkat pendidikan responden dan isteri.

Kategori pendidikan	Suami	%	Isteri	%
Tidaksekolah	-	-	7	14
Sekolah Melayu Darjah 1 - 3	17	34	24	48
Sekolah Melayu Darjah 4 - 6	23	46	15	30
Sekolah Menengah Rendah Tingkatan 1 - 3	7	14	4	8
Sekolah Menengah Atas Tingkatan 4 - 6	3	6	-	-
Jumlah	50	100	50	100

Jadual 16 jelas menunjukkan bahawa 34% daripada responden dan 48% dari isteri mendapat pendidikan hanya setakat darjah 3 sekolah Melayu. Manakala 46% responden dan 30% isteri mereka mendapat pendidikan sehingga darjah 6 Sekolah Melayu. Hanya 14% responden dan 8% isteri mendapat pendidikan hingga ke tingkatan 3 Sekolah Melayu. Secara keseluruhan kedudukan ini membuktikan bahawa taraf pencapaian akademik responden adalah rendah.

c. Asal responden

Asal responden merujuk kepada negeri asal mereka. Ia diterangkan dalam jadual 17.

Jadual 17 : Negeri asal responden

Negeri	Bilangan	%
Selangor	13	26
Kelantan	5	10
Terengganu	4	8
Kedah	9	18
Perlis	4	8
Perak	6	12
Pahang	7	14
Johor	2	4
Jumlah	50	100

Jadual 17 menunjukkan 26% responden berasal dari Negeri Selangor, 18% dari Kedah, 14% dari Pahang, 12 % dari Perak dan selebihnya dari Negeri-negeri yang lain.

5.2 TANGGUNGAN RESPONDEN

Ia merangkumi aspek-aspek bilangan anak, umur dan taraf pendidikan anak-anak.

a. Bilangan anak responden

Kebanyakan responden mempunyai bilangan anak yang ramai. Bilangan anak yang ramai akan mempengaruhi taraf hidup peneroka kerana tanggungan mereka menjadi semakin berat terutama kebanyakan anak-anak mereka masih di bangku sekolah.

Jadual 18: Bilangan anak responden

Bilangan anak	Bilangan keluarga	%
2	1	2
3	4	8
4	9	18
5	20	40
6 ke atas	16	32
Jumlah	50	100

Dari jadual di atas, responden yang mempunyai

bilangan anak di antara 4 hingga 6 orang lebih dalam sebuah keluarga. Ia diwakili oleh 40% keluarga mempunyai anak seramai 5 orang, 32% mempunyai lebih 6 orang anak, 18% keluarga mempunyai 4 orang anak.

b. Umur anak-anak responden

Jadual 19 berikut menunjukkan majoriti umur-anak-anak responden dalam lingkungan 1 hingga 20 tahun.

Jadual 19 : Pembahagian umur anak - anak responden

Pembahagian umur (tahun)	Bilangan	%
0 - 5	52	21
6 - 10	84	33
11 - 15	68	27
16 - 20	40	16
21 - 25	6	3
26 ke atas	1	0
Jumlah	251	100

c. Taraf pendidikan anak-anak

Kemudahan pelajaran seperti tadika, sekolah rendah dan sekolah agama rakyat yang disediakan di rancangan menunjukkan anak-anak perlu diberi pendidikan yang sempurna. Oleh itu anak-anak peneroka yang telah sampai umur bersekolah telah di hantar ke sekolah rendah tanpa apa-apa halangan sama ada dari segi perhubungan

ataupun perbelanjaan seperti yang biasa terjadi di kampung pendalaman, di mana ada anak yang tidak bersekolah. Berdasarkan jadual 20, didapati anak-anak peneroka mendapat pelajaran dari tadika hinggalah ke institusi pengajian tinggi.

Jadual 20 : Tingkat pendidikan anak-anak responden.

Peringkat pendidikan	Bilangan	%
Belum bersekolah	67	26.69
Sekolah Rendah Kebangsaan Darjah 1 - 6	80	31.87
Sekolah Menengah Rendah Tingkatan 1 - 3	64	25.50
Sekolah Menengah Atas Tingkatan 4 - 6	37	14.74
Maktab Perguruan	2	0.8
Institusi Pengajian Tinggi	1	0.4
Jumlah	251	100.00

5.3a KEADAAN SOSIO EKONOMI RESPONDEN SEBELUM MENYERTAI RANCANGAN.

Bahagian ini meliputi latarbelakang kerja asal dan tingkat pendapatan yang diterima di kampung.

i. Latarbelakang kerja asal responden.

Berbagai jenis kerja dilakukan oleh responden sebelum menyertai rancangan Felda. Kerja-kerja yang dilakukan kadang-kadang mengikut musim seperti menangkap ikan dan bersawah padi. Jadi di luar musim seperti musim tengkujuh, nelayan misalnya tidak dapat keluar menangkap ikan. Dengan itu mereka terpaksa membuat kerja yang lain, seperti kerja kraf tangan (menganyam tikar, membuat bakul, cucuk atap, membuat barang-barang perhiasan dan permainan untuk dijual), mengambil upah menoreh getah, mengait kelapa dan lain-lain kerja yang boleh mendatangkan hasil.

Kerja-kerja yang dilakukan kebanyakannya tidak mendatangkan pendapatan yang memuaskan dan tetap dan meletakkan mereka berada di bawah paras pendapatan minima. Jenis-jenis kerja asal responden di senaraikan seperti berikut diikuti oleh tingkat pendapatan responden hasil dari kerja asal mereka di kampung.

Kesimpulan dari jadual 21 dan 22 ialah 82% responden menerima pendapatan \$300.00 ke bawah sebulan. Hanya 18% menerima pendapatan antara \$300.00 hingga \$400.00 sebulan. Dengan pendapatan yang rendah inilah yang menjadi faktor pendorong mereka menyertai skim rancangan Felda.

Jadual 21 : Pekerjaan asal responden.

Jenis kerja	Bilangan	%
Pesawah padi	18	36
Nelayan	7	14
Penoreh getah	4	8
Buruh kasar	5	10
Bercucuk tanam	7	14
Berniaga kecil-kecilan	2	4
Tukang kayu	1	2
Pemandu	2	4
Pekerja balak	1	2
Bekas tentera	1	2
lain-lain	2	4
	50	100

Jadual 22: Pendapatan responden dari kerja asal.

Pendapatan sebulan (\$)	Bilangan	%
100 ke bawah	6	12
101 - 200	17	34
201 - 300	18	36
301 - 400	9	18
Jumlah	50	100

5.3b KEADAAN SOSIO EKONOMI RESPONDEN SELEPAS
MENYERTAI RANCANGAN.

Dalam bahagian ini pengkaji menyentuh pendapatan bersih dari ladang dan kerja sampingan yang dilakukan.

Jadual 23: Pendapatan purata responden dari kerja ladang dalam sebulan.

Pendapatan purata sebulan (\$)	Bilangan	%
100 - 200	2	4
201 - 300	15	30
301 - 400	21	42
401 - 500	5	10
501 - 600	6	12
600 ke atas	1	2
Jumlah	50	100

Dari jadual di atas dapat disimpulkan bahawa terdapat pertambahan pendapatan yang diterima oleh responden selepas menyertai rancangan. Kira-kira 66% dari mereka menerima pendapatan lebih dari \$301.00 ke atas. Sementara 34% memperolehi pendapatan antara \$100.00 hingga \$300.00.

Namun begitu sebahagian daripada responden menjalankan kerja sampingan yang lain bagi menambah

pendapatan. Menurut mereka, selain kerja ladang, mereka perlu membuat kerja sampingan untuk menanggung beban yang semakin berat. Terutama untuk menyara kehidupan keluarga seperti persekolahan anak-anak dan keselesaan hidup.

Jadual 24: Jenis-jenis kerja sampingan responden.

Jenis kerja sampingan	Bilangan	%
Berniaga dan menjaja	6	12
Tukang kayu	2	4
Pemandu teksi, bas, lori	7	14
Ambil upah menuai sawit & loading	8	16
Berkebun pisang, tebu	4	8
Guru sekolah agama	1	2
Bekerja di kilang roti	2	4
Bekerja dengan koperasi	4	8
Tiada kerja sampingan	16	32
Jumlah	50	100

Pendapatan dari kerja-kerja sampingan tersebut dapat mengurangkan beban responden serta membolehkan mereka menabung untuk kegunaan masa hadapan. Pendapatan dari beberapa jenis kerja sampingan agak lumayan juga seperti ditunjukkan dalam taburan pendapatan dari kerja sampingan.

Dari jadual tersebut dapat dibuat analisa bahawa 34 orang responden ataupun 68% terlibat dalam kerja sampingan.

Jadual 25: Taburan pendapatan hasil dari kerja sampingan.

Pendapatan sebulan (\$)	Bilangan	%
100 - 200	14	41
201 - 300	9	26
301 - 400	8	24
401 - 500	2	6
501 ke atas	1	3
Jumlah	34	100

5.4 PENGLIBATAN PENEROKA DALAM KOPERASI.

Felda telah membuat dasar supaya koperasi di galakkan mengambil alih pengangkutan BTB yang biasa dibuat secara tender. Dengan itu setiap peneroka disyaratkan menjadi ahli koperasi bagi tujuan memudahkan penyelenggaraan ladang. Di rancangan tanaman sawit koperasi sangat diperlukan sebagai satu cara perkongsian modal agar kos perbelanjaan pengangkutan BTB dapat dikurangkan.

Hasil daripada kajian didapati kesemua orang responden menjadi ahli koperasi sebaik sahaja mereka memasuki rancangan, kerana mematuhi syarat Felda. Namun pada keseluruhannya responden menyertai koperasi secara sukarela kerana sedar akan kepentingan berkoperasi.

Di dalam bahagian ini, pengkaji melihat tingkat kefahaman responden terhadap konsep koperasi dan prinsip-prinsip yang terkandung di dalamnya. Responden memberikan berbagai-bagai pengertian yang mengikut pandangan mereka sendiri serta kefahaman berdasarkan pengalaman mereka sendiri dalam menyertai koperasi di rancangan.

Jadual 26: Kefahaman dan pengertian responden terhadap konsep koperasi.

Persepsi	Bilangan	%
Perniagaan berkongsi	10	20
Bekerja bersama-sama	11	22
Perpaduan masyarakat	3	6
Kerja gotong royong	2	4
Syarikat kerjasama	16	32
Persatuan masyarakat	4	8
Tidak tahu	4	8
Jumlah	50	100

Dari jadual di atas, 32% responden memberi pengertian koperasi sebagai syarikat kerjasama, 22% memberi makna bekerja bersama-sama, 20% mentakrif sebagai perniagaan berkongsi. Selebihnya memberikan berbagai pengertian menurut pemahaman mereka sendiri.

Kekerapan responden menghadiri mesyuarat agung tahunan dapat menunjukkan sama ada penglibatan responden aktif atau sebaliknya. Bagi menjelaskannya disertakan-

jadual berikut.

Jadual 27: Kekerapan responden menghadiri mesyuarat agung tahunan koperasi.

Kekerapan	Bilangan	%
Kadang-kadang	11	22
Setiap tahun	39	78
Jumlah	50	100

Dengan itu didapati 78% turut menyertai mesyuarat pada tiap-tiap tahun. Keadaan ini disebabkan kehadiran mereka di dalam mesyuarat perlu untuk memilih ALP yang baru, mengemukakan usul, pertanyaan serta keinginan mereka mengikuti perkembangan koperasi mereka. Menurut beberapa ALP, kehadiran ahli koperasi dalam mesyuarat agung begitu menggalakkan. Mereka sentiasa mengemukakan berbagai-bagai usul, cadangan dan pandangan mereka demi untuk memajukan koperasi. Dari jadual tadi juga dapat dilihat 22% responden hanya dapat menghadirkan diri sekali sekala. Ini disebabkan mereka ada urusan yang lain pada hari tersebut.

a. Pandangan responden terhadap mesyuarat agung yang lalu.

Tujuan pengkaji ialah untuk melihat pandangan re responden sendiri tentang perjalanan mesyuarat agung di mana mereka sebenarnya bebas menyuarakan pendapat

serta memilih ahli jawatankuasa di dalam koperasi. Ini berdasarkan konsep demokrasi di mana setiap seorang ahli mempunyai hak mengundi siapa yang mereka harap dapat menjalankan tugas dengan sempurna.

Jadual 28: Perjalanan mesyuarat menurut responden.

Pandangan	Bilangan	%
Memuaskan	33	66
Kurang puashati	12	24
Tidak memuaskan	5	10
Jumlah	50	100

Dari jadual di atas, 66% responden merasa puashati dengan perjalanan mesyuarat agung. Menurut mereka, peluang bercakap diberikan kepada sesiapa sahaja selagi ia tidak melanggar peraturan mesyuarat. Mereka bebas mengkritik perjalanan koperasi supaya kemajuan dapat dicapai dimasa akan datang. Sementara itu 24% kurang berpuashati dengan mesyuarat. Ia disebabkan mereka gagal menemui jawapan kepada soalan-soalan sensitif yang di kemukakan terutama berhubung dengan kewibawaan ALP. Keadaan ini bertambah rumit kerana sebahagian responden kurang faham tentang perjalanan mesyuarat. Golongan yang mengatakkan perjalanan mesyuarat tidak memuaskan sebanyak 10%, kerana menurut pandangan pengkaji dari kajian, ada perasaan tidak senang ahli terhadap sebilangan ahli lembaga pengarah. Ini mungkin disebabkan oleh soal-soal peribadi

Keadaan yang sedemikian akan menimbulkan perasaan berpuak-puak di antara sesama ahli koperasi.

b. Penilaian responden terhadap aktiviti yang dijalankan oleh koperasi.

Hasil kajian mengenai penilaian responden terhadap aktiviti yang dijalankan oleh koperasi dapat dilihat dari jadual 29. Peratus responden yang puashati dengan semua aktiviti kecuali pendapatan dari faedah simpanan tetap adalah tinggi.

Jadual 29: Penilaian 50 orang responden terhadap aktiviti yang dijalankan oleh koperasi.

Aktiviti	Bil.	%	Bil.	%
	Memuaskan		Kurang memuaskan	
Angkut BTB/baja	43	86	7	14
Bas sekolah	48	96	2	4
Kerja kontrek Baiki jalan pert.	45	90	5	10
Faedah simpanan tetap	23	46	27	54
Jualan runcit	46	92	4	8

Berkait dengan jadual di atas, 86% responden puashati dengan perkhidmatan pengangkutan BTB, dan baja.

Ini disebabkan perkhidmatan yang diberikan mengikut waktu menuai dimana lori-lori disediakan mengikut giliran. Jadi buah tandan kelapa sawit dapat di hantar ke kilang dengan segera bagi mengelakkan ia menjadi rosak. Sebab yang lain tentunya bayaran pengangkutan yang berpatutan, yang membawa pulangan keuntungan yang lebih baik. Sebaliknya 14% responden mengatakan perkhidmatan tersebut kurang memuaskan. Menurut mereka terutama semasa penghasilan BTB meningkat, terjadi ketidak cukupan kenderaan untuk mengangkut buah sawit yang telah dituai. Sebab lain ialah kenderaan yang digunakan adalah kenderaan terpakai yang agak tua yang kerap kali mengalami kerosakan.

Seterusnya 96% responden mengatakan rasa puas-hati terhadap perkhidmatan bas sekolah kerana ia merupakan perkhidmatan sosial yang perlu bagi pelajar sekolah menengah di Bandar Pusat pergi dan pulang dengan selamat dan cepat. Di samping itu tambang yang dikenakan sangat berpatutan iaitu \$7.50 sebulan seorang murid. Dan ditambah dengan keselesaan sebab dua bas digunakan. Namun begitu 4% responden mengatakan perkhidmatan ini kurang memuaskan, mungkin disebabkan berlaku keadaan kelambatan seperti kerosakan bas ataupun kelewatan anak-anak mereka menunggu bas di tempat yang ditetapkan. Dari pengalaman pengkaji sendiri, perkhidmatan bas sekolah yang dijalankan oleh koperasi jauh lebih baik dari pihak swasta se-

belum ini.

Koperasi juga menjalankan aktiviti kerja kontrek misalnya kontrek membaiki jalan pertanian di dalam ladang. 90% responden puashati dengan kerja kontrek yang dijalankan oleh koperasi kerana ia dapat menambah pendapatan koperasi serta untuk kepentingan ahli-ahli. 10% lagi kurang puashati kerana didapati jalan pertanian yang telah diperbaiki tidak tahan lama dan perlu dibaiki semula.

Jualan runcit barang-barang seperti minyak diesel, alat ganti kenderaan, racun serangga, minyak pelincir dan racun serangga merupakan aktiviti tambahan koperasi. 92% responden mengatakan aktiviti ini memuaskan dalam erti-kata harga barang-barang yang dijual oleh koperasi murah sedikit dari dibeli diluar. Sementara 8% tidak puashati dengan aktiviti ini bukan kerana ianya tidak mendatangkan keuntungan tetapi kedapatan ramai yang berhutang dan lambat membayarnya.

Aktiviti penting seterusnya ialah pendapatan dari faedah simpanan tetap di dalam bank. Seramai 23 orang atau 46% responden mengatakan aktiviti ini perlu kerana kerana keuntungan yang diperolehi adalah lumayan. Sebaliknya 54% lagi tidak begitu setuju dengan pendapatan hasil dari faedah simpanan tetap kerana masalah hukum Islam yang mengharamkan pengambilan wang riba. Walaupun

begitu mereka jarang bersuara dalam mesyuarat bagi menyelesaikan masalah ini yang menyebabkan tiada apa-apa tindakan dilakukan oleh koperasi. Aktiviti-aktiviti koperasi yang lain yang tidak kurang pentingnya, tetapi pengkaji tidak berkesempatan menyelidiki kesemuanya kerana jawapan yang diberikan lebih kurang sama seperti yang disebutkan terdahulu.

c. Kriteria yang harus ada pada ahli lembaga pengarah koperasi menurut pertimbangan responden.

Sememangnya pemilihan seseorang ahli lembaga pengarah bergantung kepada beberapa ciri kepimpinan dan kewibawaan yang menurut penilaian ahli-ahli koperasi layak memegang jawatan yang diamanahkan. Dalam pemilihan ALP banyak bergantung kepada undi ahli koperasi di mana setiap seorang satu undi. Ciri-ciri tersebut disenaraikan dalam jadual 30 di bawah.

Jadual 30: Syarat-syarat pemilihan ALP menurut penilaian responden.

Syarat	Bilangan	%
Amanah dan jujur	10	20
Berpengalaman	9	18
Berpelajaran	9	18
Pandai bercakap	4	8
Bijak dalam hal agama	13	26
Lain-lain	5	10
Jumlah	50	100

Hasil kajian menunjukkan 26% responden memberi penilaian atas dasar seseorang yang hendak dilantik memegang jawatan ALP mestilah bijak dalam hal agama. Mereka mengharapkan orang yang boleh dipercayai dan tidak akan melakukan penyelewengan. Ciri ini berkait dengan ciri amanah dan jujur di mana 20% responden mengakui ianya penting untuk mengelakkan berlaku rasuah, menggelapkan wang, menipu dan bekerja sambil lewa sahaja.

Syarat berikutnya ialah pengalaman dalam urusan koperasi menjadi aspek yang penting juga. Sebanyak 18% responden yang memilih ciri ini. Jika seseorang yang tidak berpengalaman dilantik sebagai ALP, koperasi mereka boleh menjadi bankrap kerana pengetahuan dan pengalaman dalam pengurusan koperasi seperti mengaudit, merancang kegiatan, menulis rekod dan sebagainya adalah sangat penting bagi menggerakkan sesebuah koperasi. Dan 18% lagi memberi syarat seseorang itu mestilah berpelajaran kerana jika tidak tahu menulis dan membaca bagaimana pula hendak menguruskan koperasi, yang mempunyai modal ratusan ribu ringgit. Pengkaji merasakan syarat ini berkait juga dengan pengalaman seseorang di dalam koperasi. Hanya 8% responden memilih orang-orang yang pandai bercakap mungkin pada kacamata mereka orang yang pandai bercakap di khalayak ramai boleh membuat kerja. Sebenarnya menurut pandangan pengkaji, gabungan dari semua syarat-syarat ini boleh

menghasilkan kejayaan kepada pergerakan sesebuah koperasi dalam peranannya membantu meninggikan taraf sosio ekonomi ahli-ahlinya.

d. Harapan responden dengan menyertai koperasi.

Peneroka-peneroka pada keseluruhannya mengharapkan perubahan corak hidup serta kemudahan dalam kehidupan seharian mereka. Oleh itu dengan menyertai koperasi mereka mengharapkan perubahan dalam kehidupan seperti yang di tunjukkan dalam jadual berikut.

Jadual 31: Harapan responden dengan menyertai koperasi.

Harapan	Bilangan	%
Ingin maju	12	24
Hidup senang	11	22
Kemudahan kerja	15	30
Meninggikan pendapatan	8	16
Mendapat keuntungan	4	8
Jumlah	50	100

Dari jadual di atas seramai 15 orang responden atau 30% menyertai dengan harapan mendapat kemudahan mengerjakan dan membawa keluar hasil ladang seperti pengangkutan BTB dan kemudahan bas sekolah dengan kadar tambang yang berpatutan dan sistematik. 24% pula mempunyai harapan ingin maju yang mana menurut mereka melalui koperasi modal yang kecil dapat disatukan. Jika mereka berusaha

bersendirian modal yang ada begitu kecil dan ini tentunya tidak dapat menampung kos perbelanjaan pengangkutan BTB. Manakala 22% responden berharap dengan menyertai koperasi dapat memberikan kesenangan hidup mereka sekeluarga. 86% responden pula berharap akan mendapat keuntungan dari saham yang dibayar. Dan akhirnya 16% responden berharap dapat meninggikan pendapatan mereka daripada hanya bergantung kepada penghasilan dari ladang sawit masing-masing.

Para peneroka menyertai koperasi kerana mereka mendapat banyak faedah daripadanya. Antara faedah yang dinyatakan oleh responden ialah koperasi dapat memajukan peneluaran hasil ladang, membantu menyelenggarakan kerja ladang seperti mengangkut baja dan membaiki jalan pertanian. Ahli-ahli dapat pengetahuan berhubung dengan perjalanan koperasi, cara pentadbiran dan lain-lain hal yang berkait dengan koperasi. Faedah-faedah lain seperti mereka mendapat keuntungan atas saham yang mereka laburkan di dalam koperasi. Menurut Pengurus Koperasi purata saham seorang ahli setakat ini ialah lebih \$400.00 dengan perolehan keuntungan 10% setiap tahun. Ahli-ahli koperasi dapat membeli barang-barang keperluan seperti racun serangga, alat ganti kenderaan dan lain-lain dengan harga yang berpatutan dan boleh dibayar kemudian.

Sebagai rumusan koperasi memberi banyak faedah

baik dari segi sosial mahupun ekonomi. Dari segi sosial ia membantu ahli-ahli koperasi serta keluarga mereka misalnya melalui perkhidmatan bas sekolah. Walaupun selalu mengalami kerugian, namun demi kebajikan ahli-ahli perkhidmatan bas ini tetap diteruskan. Dari segi ekonomi ia dapat meninggikan pendapatan peneroka dengan perkhidmatan yang jauh lebih memuaskan dari perkhidmatan yang diberikan oleh pihak luar.

e. Penilaian responden tentang cara ALP menjalankan tugas mereka.

Bahagian ini adalah untuk meninjau pendapat responden terhadap tugas-tugas dan cara pentadbiran yang dilakukan oleh ALP. Penilaian responden ini merujuk kepada jadual di bawah.

Jadual 32: Penilaian responden tentang cara ALP menjalankan tugas mereka.

Penilaian	Bilangan	%
Tidak tahu	2	4
Kurang memuaskan	7	14
Tidak memuaskan	3	6
Memuaskan	38	76
Jumlah	50	100

Berdasarkan keterangan yang diperolehi didapati 38 orang iaitu 76 % responden puashati dengan cara ALP menjalankan tugas. Disebabkan mereka tidak banyak mengalami masalah dan segala kegiatan koperasi berjalan dengan lancar, mengikut pengamatan mereka. Sementara itu 14% atau 7 orang mengatakan kurang memuaskan. Dan 6% pula mengatakan perasaan tidak puashati, seterusnya 2 responden mewakili 4% mengatakan mereka tidak tahu hendak menilai kerja yang dilakukan oleh ALP.

Menurut Pengerusi koperasi Jengka XI, hal sedemikian disebabkan adanya syak wasangka di antara ahli-ahli koperasi dengan ALP, adanya perasaan berpuak-puak di antara ahli serta sikap sambil lewa ahli-ahli sendiri. Keadaan ini akan menjadikan koperasi mengalami kemerosotan sama ada dari segi ekonomi mahupun pengaruh.

Terdapat sebilangan responden yang memberi pandangan mereka secara keseluruhan terhadap pentadbiran koperasi yang mereka anggap lemah. Sebabnya ialah persoalan yang dikemukakan serta yang diusulkan tidak dapat dilaksanakan yang mana telah menimbulkan persoalan di kalangan ahli-ahli.

Akhirnya pengkaji cuba melihat pendapat responden tentang kehidupan mereka sekiranya koperasi atau syarikat kerjasama seperti yang ada sekarang tidak wujud.

Jadual 33: Andaian responden jikalau koperasi tidak ada.

Pendapat	Bilangan	%
Tidak berubah	4	8
Lebih buruk	45	90
Lebih baik	1	2
Jumlah	50	100

Berdasarkan jadual ini seramai 45 orang responden bersamaan 90% mengandaikan bahawa kehidupan mereka akan menjadi lebih susah dan taraf sosio ekonomi mereka tetap di takuk lama. Jika tiada koperasi misalnya BTB yang baru dituai yang memerlukan penghantaran segera ke kilang menjadi lebih sukar, iaitu kesukaran mendapatkan kemudahan pengangkutan. Peneroka tidak akan mampu membiayai kos pengangkutan dengan bersendirian atau melalui kontrek pihak luar yang mengenakan bayaran yang tinggi. Murid-murid sekolah menengah akan mengalami kesukaran untuk berulang-alik ke sekolah yang jauhnya kira-kira 4 km. dari kawasan perkampungan. Kalaupun ada perkhidmatan bas swasta dari luar ia tentu tidak memuaskan dari segi perkhidmatan dan bayaran tambang bulanan. Tanpa koperasi juga kerja-kerja ladang tidak dapat dibereskan dalam jangka waktu yang ditentukan, kerana kekurangan kemudahan pengangkutan.

Di samping itu 8% lagi responden memberi andaian bahawa jika tiada koperasi kehidupan mereka tetap tidak berubah. Ertinya mereka tetap juga miskin seperti sekarang walaupun koperasi telah ada. Cuma 2% responden mengatakan jika tiada koperasi keadaan hidupnya tetap akan menjadi lebih baik kerana menurutnya koperasi cuma menyusahkan sahaja dan katanya lagi sering kedapatan koperasi yang bankrap ataupun ALP nya menyelewengkan kuasa dan wang.

Sebagai kesimpulan kehidupan berkoperasi di kalangan peneroka Felda sangatlah perlu dan sesuai. Dengan berkoperasi dapat meningkatkan taraf hidup mereka dibanding jika tiada koperasi mereka akan ditindas oleh orang tengah. Ini menyebabkan pendapatan yang diperolehi kurang untuk menyara anggota keluarga yang semakin ramai di zaman kemelesetan ekonomi negara sekarang.

BAB VI

RUMUSAN DAN PENUTUP

Secara keseluruhan peranan koperasi di tanah rancangan Felda merupakan satu kemestian yang tidak boleh tidak. Melalui koperasi modal dan tenaga dapat disatukan untuk membolehkan ahli-ahli memperoleh manfaat baik dari segi ekonomi maupun sosial dan kerjasama dari semua pihak yang terlibat terutama antara ahli-ahli perlu untuk menjayakan sesebuah koperasi.

Dalam aspek ekonomi peneroka yang menjadi ahli koperasi mendapat faedah kemudahan mengangkut BTB dengan kadar bayaran yang rendah. Dengan itu pendapatan yang akan diterima lebih tinggi untuk menampung kehidupan mereka sekeluarga. Mereka juga akan memperoleh dividen tidak lebih 10% daripada jumlah saham mereka. Koperasi menyediakan kemudahan -kemudahan lain seperti mengangkut baja, membaiki jalan pertanian, meratakan tapak rumah dan penjualan runcit.

Dalam aspek sosial koperasi menyediakan perkhidmatan bas sekolah untuk anak-anak ahli dengan kadar tambang yang cukup murah walaupun terpaksa menanggung kerugian. Ahli-ahli dapat mempelajari cara-cara menguruskan perniagaan secara kolektif apakala mereka memegang jawatan dalam koperasi seperti menjadi ALP yang mentadbirkan koperasi.

Berdasarkan kajian ini, sambutan peneroka kepada koperasi begitu menggalakkan. Rata-rata mengatakan jika tiada koperasi mereka akan mengalami kesukaran dalam urusan perladangan. Dengan demikian hidup mereka tidak akan banyak berubah tidak seperti yang dinikmati sekarang. Contohnya mereka telah dapat mengubahsui dan membesarkan rumah Felda yang asal, dapat memiliki barang-barang mewah seperti kereta, motosikal, T.V. warna dan video. Mereka telah mampu menyekolahkan semua anak-anak mereka sehingga peringkat yang tinggi. Semasa baru menjadi peserta mereka cuma mampu menaiki basikal ke ladang. Tetapi sekarang telah berubah di mana motosikal menjadi kenderaan utama ke ladang.

Penglibatan peneroka dalam koperasi dapat dikatakan aktif, berdasarkan dari kehadiran mereka di dalam mesyuarat, usul-usul yang dikemukakan serta sentiasa mengambil berat perihal perkembangan koperasi mereka. Kejayaan koperasi Jengka XI lebih menonjol kerana kemampuan para pemimpin mereka merebut setiap peluang perniagaan khasnya yang berasaskan ekonomi yang ditawarkan oleh pihak Felda. Koperasi ini bukan setakat mampu melibatkan diri di lapangan pengangkutan sahaja tetapi juga aktiviti yang lain yang disebutkan dahulu.

Menurut Exco koperasi bahawa sokongan padu dari

ahli koperasi bersama pihak pengurusan Felda di sini adalah punca kejayaan mereka. Setakat ini mereka mempunyai jalinan hubungan yang rapat di kalangan peneroka dengan pihak pengurusan koperasi. Mereka dapat bertemu muka dan berbincang sesama sendiri tentang perkembangan koperasi dan interaksi sosial yang rapat boleh mewujudkan situasi kerjasama yang diperlukan dalam satu-satu gerakan koperasi.

Implikasi kewujudan koperasi membawa kebaikan dalam usaha mereka meningkatkan taraf sosio ekonomi mereka sendiri. Walaupun ujud kesan-kesan tidak baik seperti kemungkinan berlaku penyelewengan di peringkat atasan, namun dengan perhatian yang wajar oleh ahli perkara tersebut mungkin dapat dikurangkan seminima mungkin ataupun dihapuskan terus.

Daripada pencapaian koperasi dalam aktivitinya pada tahun 1984, pendapatan dari pengangkutan meningkat sedikit tetapi keuntungan menurun kerana perbelanjaan meningkat. Aktiviti bas sekolah mengalami kerugian walaupun pendapatan begitu banyak kerana perbelanjaan juga meningkat dengan lebih banyak iaitu susut nilai dan gaji pekerja. Sementara kegiatan membaiki jalan pertanian memperolehi keuntungan yang memuaskan. Pada keseluruhannya prestasi pada tahun 1984 adalah lebih baik dari tahun 1983 dengan memperolehi keuntungan lebih \$15,000.00 berbanding dengan

kerugian bersih sebanyak lebih \$13,000.00 pada tahun sebelumnya.

Kesimpulan dari kajian ini, pengkaji mendapati koperasi merupakan badan perniagaan terpenting dalam membantu peneroka meninggikan taraf sosio ekonomi mereka. Koperasi Jengka XI telah dapat memenuhi tanggungjawab dan peranannya dalam memberi kemudahan kepada ahli dalam urusan perladangan terutamanya. Dan koperasi ini boleh dijadikan contoh sebagai sebuah koperasi yang berjaya memenuhi cita-cita dan prinsip koperasi.

Meskipun terdapat kelemahan koperasi, cuma dari sudut pengurusan dan keterbatasan aktiviti-aktivitinya. Di bahagian ini pengkaji cuba memberi beberapa cadangan untuk mengatasi kelemahan yang ada. Koperasi perlu mengemaskinikan urusan pejabat seperti penyelenggaraan penulisan buku-buku rekod, akaun dan sebagainya dengan cara menghantar ALP dan kakitangan pejabat menjalani latihan pengurusan.

Seterusnya koperasi perlu mempelbagaikan aktiviti tidak hanya kepada aktiviti tradisinya sahaja. Seperti mengadakan usahasama mendirikan 'supermarket' ataupun mini market di bandar-bandar baru yang dibuka berhampiran atau di kawasan rancangan Felda. Koperasi boleh juga

mengambil kontrek pengangkutan minyak kelapa sawit, stesyen minyak dan perumahan untuk disewa atau dijual kepada ahli-ahli.

Kefahaman tentang konsep dan prinsip koperasi harus juga diberi penekanan kerana tanpa kefahaman ini perjalanan koperasi tidak mantap dan dengan mudah digugat oleh anasir yang mencari kepentingan diri dalam koperasi. Koperasi perlu menghantar ALP berkursus di Jabatan Pembangunan Koperasi Daerah dan menganjurkan ceramah serta kursus untuk ahli dengan menjemput penceramah dari luar atas perbelanjaan ^{koperasi} sendiri.

Terdapat beberapa kelemahan wujud dalam kajian ini yang boleh dihimpun secara kasar kepada empat iaitu dari segi metodologi, persembahan, analisa dan skop yang terbatas. Dari segi metodologi iaitu kurangnya ulasan karya yang berkaitan yang terdapat di institusi pengajian tinggi yang lain. Soal selidek pula tidak begitu baik dan perlu diperbaiki. Kelemahan persembahan terutama mungkin isi dan bahasa yang berulang dan tidak tepat. Penganalisaan ke atas data kurang terperinci dan akhirnya skop kajian ini begitu terbatas. Diharapkan pengkaji lain dapat meluaskan skop tidak hanya kepada sebuah koperasi sahaja malahan kajian perbandingan antara koperasi-koperasi misalnya di Wilayah Jengka untuk mendapatkan jawapan dan gambaran yang lebih jelas dan tepat.

RUJUKAN

A. Teks.

1. Abdul Aziz, Ungku. Prinsip-Prinsip Koperasi, Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (ANGKASA), 1980.
2. Calvert, H. Law And Principles Of Cooperation, Culctta And Simla, 1926.
3. Fay, C.R. Cooperation At Home And Abroad, A Staples Publication, 1948.
4. Festinger And Katz, Research Method In Behavioral Science, Holt Rinehart And Winston, Inc. USA, 1955.
5. Jabatan Pembangunan Koperasi. Koperasi Di Malaysia, Unit Pengeluaran Majalah Pelancar, 1978.
6. Kularajah, N.A. Pengenalan Kepada Gerakan Kerjasama, Syarikat Percetakan Kerjasama Se Malaysia Bhd. Petaling Jaya, 1969.
7. Kulkarni, K.R. Theory And Practice Of Cooperation In India And Abroad, Co-operator's Book Depot, Bombay, 1964.
8. Mamoria, C.B. Cooperation In Foreign Lands, Kitab Mahal Private Ltd. Allahabad, 1963.
9. Raghubans Dev Bedi. Theory, History And Practice Of Co-operation, International Publishing House, Meerut-24, Fifth Revised Edition, 1965.
10. Selltiz, Clair, et.al. Research Method In Sosial Relations, Holt, Reinhart And Winston, New York, Chicago, San Francisco, Toronto, 1959.

B. Lain-lain

1. Akhbar Berita Harian Bertarikh 12 hb.Ogos 1985.
2. Akhbar Berita Harian Bertarikh 11 hb.November 1986.
3. Buku Cenderamata Hari Koperasi Antarabangsa Ke 64 peringkat Kebangsaan Di Univ. Malaya Pada 30 hb.Ogos 1986.
4. Laporan Audit Koperasi Felda Melati (Jengka XI) Berhad. Dari Tahun 1977-1984.

LAMPIRAN

5. Majalah Akedemik, Bilangan 16, Ogos 1984.
6. Majalah Pelancar, Jilid 13, Bilangan 7, 1986.
7. Majalah Peneroka, Jilid 17, Bilangan 8, 1986.
8. Maklumat Asas Rancangan Dari Pejabat Rancangan Jengka XI.
9. Minute Mesyuarat Agung Koperasi Jengka Sebelas, 1984.
10. Seminar Kebangsaan Pembangunan Di Malaysia, Perencanaan, Pelaksanaan Dan Prestasinya, UKM Bangi, 1984.

Memelihara suasana kuasa yang demokratik;
 Mengembangkan seluas-luasnya masyarakat yang bercorak
 nasional;

Mencapai perpaduan yang erat di kalangan seluruh
 masyarakat;

Mengembangkan kemiskinan dan penindasan supaya konse-
 kuen sosial dapat dihilangkan bersama-sama untuk adil
 dan berkeadilan;

Bekerjasama dengan pihak kerajaan demi kepentingan
 pembangunan ekonomi negara dan supaya tindakan
 pembangunan swasta masyarakat Malaysia dapat dibantu
 sebaik-baiknya oleh Kerajaan Koperasi Malaysia;

Mengikuti peraturan yang ditetapkan di dalam undang-undang
 perundangan negara, termasuk di lapangan perindustrian
 dan perdagangan dan jika perlu bekerjasama dengan
 pihak-pihak swasta dengan cara yang sewajarnya inderat
 kepada kedua-dua pihak selagi identiti dan prinsip-
 prinsip Koperasi itu tidak terancam.

Para anggota Koperasi Malaysia harus berikrar menepuh
 selama tenaga dan usaha untuk mencapai cita-cita tersebut
 berdasarkan kepada prinsip-prinsip Koperasi yang berikut:

- (1) Terjunus secara demokratik.
- (2) Keanggotaan sukarela.
- (3) Bayaran sewajarnya bagi untung atau rugi.
- (4) Terbilang keuntungan sebagai tambahan perkhid-
 matan kepada ahli, tambahan modal, atau sebagai
 pelangan atau langganan.
- (5) Kecharian balik modal mengikut perkhidmatan.

LAMPIRAN

MENIFESTO KOPERASI ANGKASA

Bahawasanya Gerakan Koperasi Malaysia yang didorong oleh Badan Nasional, ANGKASA, mendukung cita-cita hendak

Memelihara susunan kuasa yang demokrasi;

Mengembangkan seluas-luasnya masyarakat yang bercorak kerjasama;

Mencapai perpaduan yang erat di kalangan seluruh masyarakat.

Menghapuskan kemiskinan dan penindasan supaya kemakmuran ekonomi dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Bekerjasama dengan pihak kerajaan demi kepentingan pembangunan ekonomi negara dan supaya tindakan penyusunan semula masyarakat Malaysia dapat dibantu sekuat mungkin oleh Gerakan Koperasi Malaysia;

Mengambil peranan yang dinamis di dalam usaha pembangunan negara, istimewa di lapangan perindustrian dan perdagangan dan jika perlu bekerjasama dengan pihak pemodal swasta dengan cara yang membawa faedah kepada kedua-dua pihak selagi identiti dan prinsip-prinsip Koperasi itu tidak terancam.

Maka anggota Koperasi Malaysia harus berikrar menumpukan seluruh tenaga dan usaha untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan kepada prinsip-prinsip Koperasi yang berikut:

- (1) Perjalanan secara demokrasi
- (2) Keanggotaan sukarela
- (3) Bayaran manasabah bagi untung atas saham.
- (4) Pemulangan keuntungan sebagai tambahan perkhidmatan kepada ahli, tambahan modal, atau mengikut pulangan atas langganan.
- (5) Pemberian balik modal mengikut pelaburan.

- (6) Kepentingan masyarakat mendahului kepentingan ahli.
- (7) Sikap neutral dalam politik dan agama.
- (8) Menggalakkan pendidikan
- (9) Bekerjasama di semua peringkat Koperasi.

Perlu disedari bahawa prinsip-prinsip Koperasi pada asasnya bertentangan dengan prinsip permodalan swasta. Ini nyata di lapangan tujuan mencari dan membahagikan untung dan juga cara susunan kuasa dalam organisasi. Dari itu tidak sabit di akal jikalau Koperasi hendak digunakan sebagai alat atau tangga untuk menggalakkan sesuatu kumpulan orang masuk menjadi ahli permodalan swasta.

Perlu diketahui oleh seluruh anggota Koperasi dan pemimpin negara umumnya, bahawa prinsip Koperasi itu adalah suatu sistem yang berkaitan rapat satu sama lain. Satu-satunya tidak boleh diubah dengan tidak menimbulkan bahaya kerosakan atau penyelewengan bagi semua prinsip-prinsip itu. Namun demikian dari semasa kesemasa mengikut kehendak keadaan ekonomi dan berdasarkan tujuan asasi Koperasi amalan prinsip itu boleh diubah dengan sewajarnya.

Yang demikian dari cita-cita dan prinsip tersebut, Gerakan Koperasi adalah melakukan suatu peranan yang berkesan di dalam rangkausaha pembangunan ekonomi negara serta penyusunan semula masyarakat Malaysia.

Persidangan Kebangsaan ANGKASA
24hb. Mei, 1975.

MADAT RESPONDER DAN KELUARGA

No. Nama Noor. Sub. dgn. K.K. Pead. Taraf. Hwa

SOAL SELIDIK

JABATAN ANTHROPOLOGI DAN SOSIOLOGI, UNIVERSITI MALAYA

Tajuk: Peranan Koperasi Di Tanah Rancangan Felda Melati
Bandar Pusat Jengka, Pahang.

Nama: _____

Alamat: _____

No. Jenis Kerja tetap	Dih. jam/hari/minggu	Mpt. sebulan	Tempat
	<u>Latihan Ilmiah</u>		
	1986/87		

BIODATA RESPONDEN DAN KELUARGA

Bil.	Nama	Umur	Hub.dgn.K.K	Pend.	Taraf Pkwn
1.					
2.					
3.					
4.					
5.					
6.					
7.					
8.					
9.					
10					
11					
12					
13					
14					
15					

Pekerjaan sekarang setelah menyertai rancangan

a.Jenis kerja tetap	Jlh.jam/hari/minggu	Pdpt sebulan	Tempat
b.Jenis Kerja sampingan			
Jumlah			

Dalam seminggu apakah jenis kerja yang biasa anda lakukan?

PENGLIBATAN PENEROKA DALAM KOPERASI.

1. Adakah anda menjadi ahli dalam koperasi ? Ya / Tidak
Kalau ya, berapa lamakah telah menjadi ahli ? _____
2. Sebutkan jenis-jenis koperasi lain yang anda sertai.

3. Adakah tanggungan anda turut menjadi ahli koperasi?
Kalau ada, siapa : _____
Pelaburan : _____
Nama koperasi : _____
4. Adakah anda dikenakan yuran menjadi ahli koperasi Felda Melati Berhad?
Kalau ada, berapa? _____
5. Jawatan yang dipegang dalam koperasi beserta tarikh/tempoh.

6. Adakah anda menyertai koperasi dengan cara:
a. Sukarela b. Syarat Felda c. Dorongan d. Ikut kawan
7. Berapa nilai pelaburan anda dalam koperasi?
Koperasi Felda Melati: _____
Lain-lain, sebutkan : _____
8. Bilakah biasanya mesyuarat agung koperasi diadakan?

9. Adakah anda menyertai mesyuarat agung yang diadakan?

10. Apakah pandangan anda tentang mesyuarat agung koperasi lalu?

11. Pernahkah anda mengundi dalam mesyuarat agung bagi memilih ahli Lembaga Pengarah ? _____
12. Adakah anda berpuashati dengan cara undian yang dijalankan? Mengapa ? _____
13. Daripada pelaburan yang dibuat dalam koperasi, adakah keuntungan yang diperolehi dibahagi-bahagikan? _____
14. Bagaimana cara pengagihan keuntungan dibuat ? _____
15. Setakat yang anda tahu, apakah aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh koperasi bagi meningkatkan pencapaiannya dalam ekonomi ? Pandangan serta sebab anda berkata demikian. _____

Aktiviti

Pandangan

Sebab

16. Berapakah bayaran perkhidmatan bas sekolah yang dikenakan keatas setiap murid sekolah? _____
- Bagaimana bayaran dibuat? _____

Jika dibandingkan dengan perkidmatan bas swasta, mana yang lebih baik ?

17. Pernahkah anda menjadi ahli koperasi sebelum menjadi peneroka?

Nama Koperasi: _____

Pelaburan : _____

Faedah yang didapati: _____

Perbandingan dengan koperasi di sini: _____

18. Bagaimana keadaan ekonomi peneroka pada peringkat awal pelaksanaan sistem koperasi ?

19. Apakah kebaikan dan kelemahan koperasi yang anda sertai ini?

Kebaikan

Kelemahan

20. Adakah koperasi mendatangkan manfaat kepada anda ?

21. Apakah cadangan-cadangan anda untuk memajukan koperasi ini?

22. Apakah yang anda faham dengan konsep koperasi ?

23. Apakah yang anda harapkan dengan menyertai koperasi ?

24. Apakah faedah-faedah yang boleh diberikan oleh koperasi kepada ahli-ahli ?

25. Bagaimana caranya koperasi dapat memperbaiki kehidupan peneroka ?

26. Adakah kehidupan peneroka lebih buruk tanpa koperasi ?

v. Apakah cadangan koperasi ini untuk meningkatkan prestasinya?

w. Sejauh mana penglibatan peneroka di dalam koperasi?

x. Tambahan.

1. Apakah berfikir kerjasama koperasi ini dengan koperasi-koperasi lain di daerah ini?
Dari segi apa:

p. Bagaimana cara pemilihan Ahli Lembaga Pengarah?

q. Bagaimana struktur organisasi pengurusan koperasi?

r. Bagaimana untung koperasi dibahagi-bahagikan?

s. Adakah mendapat sebarang pinjaman dari mana-mana Kewangan? _____

Sebutkan _____

t. Adakah mendapat sebarang bimbingan dari mana-mana pihak terutama dari Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia. Bentuk-bentuk bantuan: _____

u. Adakah berlaku kerjasama koperasi ini dengan koperasi-koperasi lain di daerah ini.: _____

Dari segi apa: _____

l. Kemajuan-kemajuan Koperasi : _____

m. Masalah-Masalah yang dihadapi: _____

n. Bagaimana cara penyelesaian masalah:

n. Dari mana diperoleh alat-alat ganti bagi kendaraan?

GAMBARFOTO




Gambar 1: Pejabat Koperasi Felda Jengka XI.



Gambar 2: Sebahagian dari kenderaan milik koperasi.



Gambar 3; Bas sekolah kepunyaan koperasi Jengka XI.



Gambar 4: Kerja memungkah BTB ke dalam lori.

Polis, Bank Negara siasat penyelewengan

BH
11/11/86

KUALA LUMPUR, Isnin — Polis sedang meniasat enam kes yang mungkin mempunyai unsur-unsur jenayah membabitkan lembaga pengarah dan pengurusan 24 koperasi penerima deposit (KPD) yang dibekukan Ogos lalu.

Sementara Bank Negara pula sedang meniasat secara mendalam 13 kes lain yang membabitkan percanggahan kepentingan.

Siasatan Jawatankuasa Bertindak Khas mengenai koperasi yang dipengerusikan oleh Bank Negara sehingga ini mendapati sebahagian besar 24 koperasi berkenaan tidak mempunyai asas perniagaan yang tersusun, memberi faedah terlalu tinggi kepada simpanan jangka pendek dan

penyelewengan di kalangan beberapa ahli lembaga pengarah.

Kertas Putih kerajaan mengenai perkara itu mendapati koperasi-koperasi yang terabit kekurangan modal dan wujud konflik kepentingan yang meluas di kalangan ahli lembaga pengarah.

Kekurangan peraturan undang-undang mengawasi kegiatan koperasi juga menyebabkan koperasi-koperasi yang dibekukan itu terkeluar daripa landasan asal pergerakan koperasi.

Hasil siasatan itu juga menunjukkan asas perniagaan yang tidak tersusun di kalangan koperasi terabit. Keadaan ini bertambah buruk kerana kurangnya pengawasan dan pengurusan kewangan yang tidak cekap.

Kertas Putih itu juga melaporkan kebanyakan KPD membuat pelaburan yang berlebihan dalam sektor tanah dan hartanah, pelaburan spekulasi dalam pasaran saham dan kadangkala memberi pinjaman tanpa faedah kepada ahli lembaga pengarah.

Dalam dua kes yang nyata, Kosatu dan Fortiss, berlaku penipuan yang sudah dilaporkan kepada polis.

Kerajaan masih meniasat dakwaan bahawa ahli lembaga pengarah beberapa KPD menggunakan aset koperasi seperti menjual tanah koperasi untuk memperoleh pinjaman bagi kepentingan peribadi.

Kertas Putih itu menjelaskan beberapa urusanniaga yang dilaksanakan oleh KPD ber-

kenaan menyalahi undang-undang koperasi mereka sendiri, manakala had pinjaman tidak dipatuhi. Ada juga pelaburan yang dibuat tanpa kelulusan Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Koperasi.

Siasatan itu menunjukkan penyimpan-penyimpan di 21 daripada 24 koperasi yang terabit tidak akan dapat memperoleh semula semua simpanan mereka kerana KPD berkenaan mengalami kekurangan modal berjumlah \$629.5 juta.

Di akhir siasatan, anggaran pulangan bersih kepada penyimpan bagi setiap ringgit yang mereka simpanan ialah hanya 30 sen. Bagaimanapun, ada juga KPD yang mampu memberi nilai penuh kepada simpanan yang dibuat oleh penyimpan.

Kertas Perintah 50 Tahun 1986

MALAYSIA

DIREKTORAN DALAM DEWAN RAJA YUDHAN NEGARA
MELAKSI PERSEKUTUAN



BH
11/11/86

LAPORAN MENGENAI

KOPERASI-KOPERASI PENGAMBILAN DEPOSIT

Pengawasan tidak cekap punca penyelewengan

KUALA LUMPUR, Isnin — Pengawasan dan audit yang tidak cekap dalam 24 koperasi terabit dalam pengambilan deposit menyebabkan berlakunya penyelewengan pengurusan oleh lembaga pengarah.

Laporan Bank Negara jelas menunjukkan berlakunya penyelewengan dalam Fortiss dan Kosatu dan perkara itu sudah dilaporkan kepada polis.

Katanya selain tindakan tertentu bagi mendapati kepentingan diri sendiri, lembaga pengarah juga terabit dengan penjualan tanah kepada koperasi pada harga yang tinggi dan menggunakan harta koperasi sebagai cagar menandatangani pinjaman.

Laporan itu berkata, ada berlaku konflik kepentingan dalam 13 koperasi dan dari jumlah itu, ada enam tindakan menipu.

Mengenai Koperasi Berita Bersatu Berhad (Kosatu), laporan itu berkata pengerusinya, Tee An Chuan, yang hampir mempunyai kuasa penuh dalam kegiatan koperasi

itu mendapat pinjaman dan pendahuluan tanpa faedah dari Kosatu tanpa kelulusan tertentu.

Beliau juga membeli dan menjual harta, kadangkala bagi pihak koperasi atau atas namanya tanpa menjelaskan ia mempunyai kepentingan dalam jual beli itu.

Laporan itu berkata, Syarikat Kerjasama Penjaja-Penjuala dan Peniaga-Peniaga Kecil Selangor Berhad (Sakopp), mengeluar \$13 juta dalam bentuk pinjaman dan pendahuluan kepada pengarahnya, Hew Ah Choo, syarikat penamanya dan syarikat yang dikuasai oleh pengarah serta bekas pengarah.

Sebagai tambahan, \$2.5 juta masih belum dijelaskan bagi pinjaman diberikan kepada bekas pengarah, Tan Sri Wae Boon Ping. Pinjaman sebanyak \$3 juta juga diberikan kepada Datuk Salleh Yusof yang dibayar kepada Unity Organisation (M) Sdn Bhd, sebuah syarikat yang dikuasai oleh bekas bendahari dan pengarah koperasi.